Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian. Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif. Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

Bagi menjayakan hasrat ini, Jabatan Perangkaan Malaysia selaku penyedia perkhidmatan statistik utama negara telah melaksanakan Banci Pertanian 2024 bermula 7 Julai hingga 31 Oktober 2024 yang melibatkan hampir 1.3 juta Tempat Kediaman (TK) di seluruh negara. Di negeri Johor, Banci Pertanian 2024 telah melibatkan sejumlah 117,955 Tempat Kediaman dan 5,723 pertubuhan berdaftar.

3.0 SOSIOEKONOMI NEGERI JOHOR

Negeri Johor adalah negeri ketiga terbesar di Malaysia dengan keluasan 1,920,885 hektar di Semenanjung Malaysia selepas Negeri Pahang dan Perak. Ia terletak di selatan Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan Negeri Pahang di bahagian utara manakala di bahagian selatan bersempadan dengan Singapura. Negeri Johor terbahagi kepada 10 daerah dan ditadbir oleh 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Terdapat sebanyak 103 mukim di Negeri Johor; yang mana Daerah Mersing dan Daerah Pontian masing-masing mempunyai bilangan mukim terbanyak, iaitu 16 mukim.

Pada tahun 2023, Johor mencatatkan prestasi sosioekonomi yang kukuh, menjadikannya sebagai salah satu negeri utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah RM148.2 bilion dengan sumbangan 9.5 peratus kepada ekonomi Negara. Aktiviti ekonomi didominasi oleh

sektor perkhidmatan dan pembuatan dengan sumbangan sebanyak 84.0 peratus. Sementara itu, sektor pertanian meliputi 11.6 peratus daripada KDNK dengan nilai RM17.2 bilion (Jadual 1).

Paparan 1: Sumbangan KDNK Johor mengikut Sektor 2023 (RM Juta) dan Peratus Sumbangan kepada Ekonomi Johor

Jenis aktiviti ekonomi	2023	Peratus Sumbangan%
Pertanian	17,205	11.6
Perlombongan & kuari	691	0.5
Pembuatan	44,165	29.8
Pembinaan	4,485	3.0
Perkhidmatan	79,961	54.0
Tambah: Duti import	1,698	1.1
KDNK pada harga pembeli	148,205	100.0

Sumber: Laporan Sosioekonomi 2023

Penduduk Johor bertambah daripada 4.03 juta pada tahun 2022 kepada 4.10 juta pada tahun 2023 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 1.8 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2023 adalah 91.8 peratus daripada keseluruhan penduduk Johor

Tenaga buruh di Johor meningkat sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: 1.3%). Sejumlah 2,071.3 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2023 berbanding 2,013.4 ribu orang pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 2,017.9 orang pada tahun 2023 daripada 1,949.2 ribu orang pada tahun 2022.

4.0 SENARIO SEKTOR PERTANIAN NEGERI JOHOR

Pada tahun 2023, sektor Pertanian di Johor merekodkan nilai ditambah berjumlah RM17.2 bilion dan menjadi penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Johor, iaitu 11.6 peratus pada 2023. Ia juga merupakan penyumbang terbesar kepada sektor Pertanian di Malaysia iaitu 17.1 peratus. Subsektor Tanaman mendominasi sektor Pertanian di Johor dengan sumbangan 67.9 peratus, diikuti subsektor Ternakan (25.4%), Perikanan (6.6%) dan Perhutanan & pembalakan (0.2%).

Kelapa sawit merupakan aktiviti pertanian terbesar di Johor dengan sumbangan sebanyak 33.2 peratus. Sementara itu, subsektor Ternakan yang merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor Pertanian di Johor turut mencatatkan penyusutan 1.0 peratus berbanding pertumbuhan 1.8 peratus pada tahun 2022. Prestasi ini

dipengaruhi oleh pertumbuhan perlahan dalam pengeluaran ternakan ayam & itik dan babi. Banjir pada awal tahun serta cuaca panas pada pertengahan tahun turut mempengaruhi pengeluaran ternakan di Johor.

Walau bagaimanapun, subsektor Perikanan mencatatkan peningkatan dengan pertumbuhan 1.5 peratus (2022: 14.6%), disokong oleh peningkatan dalam aktiviti ternakan ikan air payau. Selain itu, subsektor Perhutanan & pembalakan menyusut 27.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 2.4%).

5.0 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK PERTANIAN


Eksport komoditi utama pertanian bagi negeri Johor pada tahun 2023 adalah minyak kelapa sawit dengan nilai eksport sebanyak RM9.9 bilion. Ini diikuti oleh oleokimia berasaskan kelapa sawit (RM6.7 bilion) dan perabut kayu dan rotan (RM5.4 bilion). Bagi import pula, tiga import komoditi utama pertanian adalah kapas mentah (RM1.2 bilion), gula daripada bit atau tebu (RM762.62 juta) dan baja dikilangkan (RM620.49 juta).

6.0 RINGKASAN DAPATAN BANGCI PERTANIAN 2024 JOHOR


6.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 106, 038 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Johor. Daripada jumlah ini, 102,460 (96.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 3,578 (3.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 2: Pegangan Pertanian, Johor, 2023



Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu , Johor, 2023



6.2 PARAMETER UTAMA SEKTOR PERTANIAN

Nilai jualan pertanian di Johor adalah sebanyak RM27.26 bilion pada tahun 2023 yang disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM19.15 bilion) dan pegangan pertanian individu (RM8.11 bilion). Tiga daerah utama dari segi nilai jualan pertanian di Johor adalah Kluang dengan nilai jualan pertanian sebanyak RM5.0 bilion atau 18.3 peratus dan ini diikuti oleh Kota Tinggi (RM4.3 bilion atau 15.6 peratus) dan Batu Pahat (RM3.8 bilion atau 13.8 peratus).



SUBSEKTOR **TANAMAN**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

7.0 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN, JOHOR

7.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR TANAMAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 98,016 pegangan pertanian bagi subsektor tanaman direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 95,200 pegangan pertanian individu bagi subsektor tanaman (97.1%) dan 2,816 pegangan pertanian pertubuhan bagi subsektor tanaman (2.9%). Daerah Batu Pahat mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi bagi subsektor tanaman iaitu 17,993 (18.4%), diikuti oleh Segamat (17,196; 17.5%) dan Muar (14,832; 15%).


Paparan 4: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman, Johor, 2023

JOHOR 		Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman: 98,016 Individu: 95,200 Pertubuhan: 2,816		
Daerah		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Batu Pahat		17,993	17,609	384
Johor Bahru		5,982	5,625	357
Kluang		10,358	9,816	542
Kota Tinggi		3,812	3,562	250
Mersing		3,661	3,574	87
Muar		14,832	14,472	360
Pontian		7,999	7,844	155
Segamat		17,196	16,908	288
Kulai		6,799	6,607	192
Tangkak		9,384	9,183	201

7.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 95,200 pegangan pertanian individu subsektor tanaman di Johor, seramai 94,980 orang atau 99.8 peratus merupakan warganegara, manakala 220 orang (0.2%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Kewarganegaraan, Johor, 2023



Warganegara

94,980
(99.8%)




Bukan Warganegara

220
(0.2%)

7.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu subsektor tanaman di Johor didominasi oleh lelaki iaitu 72,676 orang (76.3%) berbanding 22,524 perempuan (23.7%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian subsektor tanaman individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Jantina, Johor, 2023



7.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 45,368 orang atau 47.7 peratus daripada pegangan pertanian subsektor tanaman individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (30,436 orang; 32.0%), 31 hingga 45 tahun (16,919 orang; 17.8%) dan 15 hingga 30 tahun (2,476 orang; 2.6%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Umur, Johor 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

7.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu subsektor tanaman adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 65,114 orang (68.4%), diikuti oleh Cina (27,903 orang; 29.3%), India (1,773 orang; 1.9%) dan lain-lain (190 orang; 0.2%).

Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Etnik, Johor, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

7.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu subsektor tanaman terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (73,062 orang; 76.8%), diikuti oleh balu/ duda (12,737 orang; 13.4%), tidak pernah berkahwin (7,822 orang; 8.2%) dan bercerai/berpisah (1,144 orang; 1.2%).

Paparan 9: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Johor, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

7.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 46,264 orang atau 48.6 peratus pegangan pertanian subsektor tanaman individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (20,810 orang; 21.9%) dan tiada sijil (17,933 orang; 18.8%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 9,758 orang (10.3%).

Paparan 10: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

7.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 837.8 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 221.6 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 616.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Kluang mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 185.7 ribu hektar, diikuti oleh Kota Tinggi (158.7 ribu hektar) dan Segamat (133.6 ribu hektar).


Paparan 11: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Johor, 2023



7.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Johor merekodkan 750.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 208.9 ribu hektar, manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 542.0 ribu hektar. Kluang mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 158.2 ribu hektar, diikuti oleh Kota Tinggi (145.1 ribu hektar) dan Segamat (122.9 ribu hektar).


Paparan 12: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Johor, 2023



7.4 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 15.0 juta tan metrik. Tanaman kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 13.0 juta tan metrik, diikuti oleh tanaman lain (747.2 ribu tan metrik) dan buah-buahan (563.4 ribu tan metrik). Kluang mencatatkan kuantiti pengeluaran tanaman tertinggi sebanyak 3.5 juta tan metrik, menyumbang 23.2 peratus kepada pengeluaran tanaman Johor.


Paparan 13: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Johor, 2023



7.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 14.8 juta tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 13.0 juta tan metrik. Ini diikuti oleh tanaman lain dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 721.7 ribu dan 387.13 ribu tan metrik. Kluang mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman tertinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak 3.5 juta tan metrik atau menyumbang 23.4 peratus kepada kuantiti jualan tanaman Johor. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM20.9 bilion.

Paparan 14: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Johor, 2023



7.6 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor pertanian Johor. Tanaman kelapa sawit, getah, buah-buahan termasuk nanas serta sayur-sayuran merupakan tanaman utama yang diusahakan di Johor. Ini menunjukkan keupayaan sektor pertanian untuk terus berkembang dan menyumbang kepada ekonomi negeri Johor.

KELAPA SAWIT

Kelapa sawit kekal sebagai tanaman utama yang mendominasi dalam subsektor tanaman di negeri Johor dengan keluasan bertanam 674.9 ribu hektar dan keluasan bertuai sebanyak 599.0 ribu hektar. Bilangan pegangan pertanian bagi kelapa sawit adalah 52,390. Pegangan individu seramai 50,812 orang dan pegangan pertubuhan sebanyak 1,578 pertubuhan. Daerah Kluang merupakan pengeluar kelapa sawit tertinggi iaitu 3.2 juta tan metrik diikuti daerah Kota Tinggi 3.0 juta tan metrik dan seterusnya daerah Segamat 2.1 juta tan metrik.

TANAMAN LAIN (TERMASUK KENAF)

Keluasan bertanam bagi tanaman lain adalah berjumlah 57.9 ribu hektar. Bilangan pegangan pertanian bagi tanaman lain adalah sebanyak 5,708. Pegangan individu seramai 5,332 orang dan pegangan pertubuhan sebanyak 376 pertubuhan. Daerah Muar merupakan pengeluar terbesar tanaman lain iaitu 437.0 ribu tan metrik diikuti daerah Pontian 194.7 ribu tan metrik dan seterusnya daerah Kota Tinggi 28.5 ribu tan metrik.

BUAH-BUAHAN

Keluasan bertanam bagi tanaman buah-buahan adalah sebanyak 39.4 ribu hektar. Bilangan pegangan pertanian bagi buah-buahan adalah sebanyak 12,846. Pegangan individu seramai 12,320 orang dan pegangan pertubuhan sebanyak 526 pertubuhan. Daerah Batu Pahat merupakan pengeluar terbesar tanaman buah-buahan iaitu 166.4 ribu tan metrik diikuti daerah Tangkak 118.5 ribu tan metrik dan seterusnya daerah Kluang 65.4 ribu tan metrik.

GETAH

Keluasan bertanam bagi tanaman getah adalah sebanyak 31.1 ribu hektar. Bilangan pegangan pertanian bagi tanaman getah adalah sebanyak 17,255. Pegangan individu seramai 17,219 orang dan pegangan pertubuhan sebanyak 36 pertubuhan. Daerah Segamat merupakan pengeluar terbesar tanaman getah iaitu 12.0 ribu tan metrik

diikuti daerah Muar 3.6 ribu tan metrik dan seterusnya daerah Tangkak 2.7 ribu tan metrik.

NANAS

Negeri Johor merupakan negeri pengeluar Nanas terbesar di Malaysia. Antara jenis nanas yang ditanam di negeri Johor ialah MD2, Josapine, N36, Madu dan Morris. Keluasan bertanam bagi tanaman nanas adalah sebanyak 10.3 ribu hektar. Bilangan pegangan pertanian bagi tanaman nanas adalah sebanyak 1,768. Pegangan individu seramai 1,698 orang dan pegangan pertubuhan sebanyak 70 pertubuhan. Daerah Kluang merupakan pengeluar terbesar tanaman nanas iaitu 173.7 ribu tan metrik diikuti oleh daerah Pontian sebanyak 61.0 ribu tan metrik dan seterusnya daerah Batu Pahat 34.3 ribu tan metrik.


SAYUR-SAYURAN

Keluasan bertanam bagi tanaman sayur-sayuran adalah sebanyak 21.4 ribu hektar. Bilangan pegangan pertanian bagi tanaman sayur-sayuran adalah sebanyak 8,588. Pegangan individu seramai 8,137 orang dan pegangan pertubuhan sebanyak 451 pertubuhan. Daerah Johor Bahru merupakan pengeluar terbesar tanaman sayur-sayuran iaitu 76.8 ribu tan metrik diikuti oleh daerah Kulai sebanyak 54.5 ribu tan metrik dan seterusnya Kota Tinggi sebanyak 53.4 ribu tan metrik.

PADI

Keluasan bertanam bagi tanaman padi adalah sebanyak 2.7 ribu hektar. Bilangan pegangan pertanian bagi tanaman padi adalah sebanyak 1,118. Pegangan individu seramai 1,114 orang dan pegangan pertubuhan sebanyak 4 pertubuhan. Tangkak merupakan pengeluar terbesar tanaman padi iaitu 3.9 ribu tan metrik diikuti oleh daerah Muar sebanyak 2.9 ribu tan metrik dan seterusnya daerah Mersing 1.5 ribu tan metrik.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR TERNAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

8.0 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN, JOHOR

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR TERNAKAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 3,287 pegangan pertanian bagi subsektor ternakan direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 2,777 pegangan pertanian individu (84.5%) dan 510 pegangan pertanian pertubuhan (15.5%). Kluang mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 571 (17.4%), diikuti oleh Muar (562; 17.1%) dan Segamat (541; 16.5%).


Paparan 15: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Ternakan, Johor, 2023

JOHOR 		Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan: 3,287 Individu: 2,777 Pertubuhan: 510		
Daerah		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Batu Pahat		291	149	142
Johor Bahru		164	84	80
Kluang		571	500	71
Kota Tinggi		183	155	28
Mersing		263	240	23
Muar		562	497	65
Pontian		347	316	31
Segamat		541	508	33
Kulai		48	34	14
Tangkak		317	294	23

8.1.1 Kewarganegaraan

Keseluruhan 2,777 pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan di Johor, merupakan warganegara. Tiada penglibatan bukan warganegara bagi subsektor ini.

Paparan 16: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan, Johor, 2023




Warganegara

2,777
(100.0%)

8.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan di Johor didominasi oleh lelaki iaitu 2,572 orang (92.6%) berbanding 205 perempuan (7.4%). Semua negeri merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 17: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Jantina, Johor, 2023



8.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 918 orang atau 33.1 peratus daripada pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan adalah berumur 46 hingga 59 tahun, diikuti oleh individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (900 orang; 32.4%), 31 hingga 45 tahun (760 orang; 27.4%) dan 15 hingga 30 tahun (199 orang; 7.1%).


Paparan 18: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Kumpulan Umur, Johor 2023



8.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 2,512 orang (90.4%), diikuti oleh Cina (129 orang; 4.7%), India (128 orang; 4.6%) dan lain-lain (8 orang; 0.3%).


Paparan 19: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Johor, 2023



8.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (2,070 orang; 74.5%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (428 orang; 15.4%), balu/duda (251 orang; 9.0%) dan bercerai (21 orang; 0.8%) dan berpisah (7 orang; 0.3%)


Paparan 20: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan bagi Subsektor Ternakan, Johor, 2023



8.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 2,020 orang atau 72.7 peratus pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (398 orang; 14.3%) dan peringkat tertiar (186 orang; 6.7%). Pegangan pertanian individu yang tiada sijil pula berjumlah 173 orang (6.2%).

Paparan 21: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh bagi Subsektor Ternakan, Johor, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

8.2 KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Johor adalah sebanyak 298.0 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 269.6 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 3.0 bilion biji telur, 8.0 juta liter susu segar dan 104.8 ribu kilogram yang meliputi sarang burung wallet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 2.6 bilion biji telur, 7.7 juta liter susu segar dan 51.9 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM4.7 bilion.

Paparan 22: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Johor, 2023



8.3 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Batu Pahat mencatatkan kuantiti pengeluaran ternakan hidup tertinggi pada tahun 2023, dengan 72.7 juta ekor atau 24.4 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Johor, diikuti oleh Pontian (43.3 juta ekor) dan Johor Bahru (42.7 juta ekor). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 53.3 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Johor.

Bagi hasil ternakan pula, kuantiti pengeluaran telur mencatatkan 3.0 bilion juta biji, dengan Batu Pahat sebagai daerah pengeluar tertinggi (1.6 bilion biji). Selain itu, kuantiti pengeluaran bagi susu segar adalah 8.0 juta liter, dengan Kota Tinggi sebagai daerah pengeluar tertinggi (5.3 juta liter). Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan lain merekodkan sebanyak 0.1 juta kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain.

SUBSEKTOR
PERIKANAN
TANGKAPAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

9.0 PARAMETER SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN, JOHOR

9.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 4,524 pegangan pertanian bagi subsektor perikanan tangkapan direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 4,512 pegangan pertanian individu bagi subsektor perikanan tangkapan (99.7%) dan 12 pegangan pertanian pertubuhan bagi subsektor perikanan tangkapan (0.3%). Johor Bahru mempunyai bilangan pegangan perikanan tangkapan tertinggi iaitu 1,075 (23.8%), diikuti oleh Muar (834; 18.4%) dan Pontian (682; 15.1%).


Paparan 23: Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan, Johor, 2023

JOHOR 		Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan: 4,524 Individu: 4,512 Pertubuhan: 12		
Daerah		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Batu Pahat		432	428	4
Johor Bahru		1,075	1,075	-
Kluang		22	22	-
Kota Tinggi		679	677	2
Mersing		531	528	3
Muar		834	834	-
Pontian		682	681	1
Segamat		237	236	1
Kulai		-	-	-
Tangkak		32	31	1

9.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 4,512 pegangan pertanian individu subsektor perikanan tangkapan di Johor, seramai 4,506 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala 6 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 24: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kewarganegaraan, Johor, 2023



Warganegara

4,506
(99.9%)




Bukan Warganegara

6
(0.1%)

9.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu subsektor perikanan tangkapan di Johor didominasi oleh lelaki iaitu 4,395 orang (97.4%) berbanding 117 perempuan (2.6%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 25: Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan Individu mengikut Jantina, Johor, 2023



9.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 1,802 orang atau 39.9 peratus daripada pegangan pertanian individu subsektor perikanan tangkapan adalah berumur 46 hingga 59 tahun diikuti oleh individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (1,228 orang; 27.2%), 31 hingga 45 tahun (1,213 orang; 26.9%) dan 15 hingga 30 tahun (269 orang; 6.0%).


Paparan 26: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kumpulan Umur, Johor 2023



9.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu subsektor perikanan tangkapan adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 4,072 orang (90.4%), diikuti oleh Cina (430 orang; 9.5%), India (3 orang; 0.1%) dan lain-lain (1 orang; 0.0%).

Paparan 27: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kumpulan Etnik, Johor, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

9.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu subsektor perikanan tangkapan terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (3,791 orang; 84.0%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (423 orang; 9.4%) balu/duda (266 orang; 5.9%), dan bercerai/berpisah (32 orang; 0.7%).


Paparan 28: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan bagi Subsektor Perikanan Tangkapan, Johor, 2023



9.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 2,626 orang atau 58.2 peratus pegangan pertanian individu subsektor perikanan tangkapan mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil (926 orang; 20.5%) dan peringkat rendah (917 orang; 20.3%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 43 orang (1.0%).


Paparan 29: Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023



9.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor perikanan tangkapan pada tahun 2023 mencatatkan 42.3 ribu tan metrik. Johor Bahru mencatatkan kuantiti pengeluaran aktiviti perikanan tangkapan tertinggi sebanyak 14.0 ribu tan metrik, menyumbang 33.1 peratus kepada pengeluaran aktiviti perikanan tangkapan Johor.


Paparan 30: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Johor, 2023



9.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor perikanan tangkapan pada tahun 2023 mencatatkan 42.3 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh daerah Johor Bahru iaitu sebanyak 14.0 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh daerah Kota Tinggi dan daerah Mersing dengan masing-masing mengeluarkan 7.4 ribu dan 6.6 ribu tan metrik. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor perikanan tangkapan direkodkan sebanyak RM625.14 juta.

Paparan 31: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Johor, 2023



9.4 PARAMETER SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Subsektor perikanan tangkapan merupakan salah satu subsektor penyumbang ekonomi negeri Johor dan Malaysia kerana sebagai salah satu sumber protein termurah dan masih boleh diperolehi oleh rakyat Malaysia. Subsektor ini juga telah membantu dalam pertumbuhan dan perkembangan industri huluan dan hiliran yang berasaskan sumber perikanan.

Daerah Johor Bahru mencatatkan kuantiti pengeluaran subsektor perikanan tangkapan tertinggi sebanyak 14.0 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM120.91 juta diikuti daerah Kota Tinggi dengan kuantiti pengeluaran 7.4 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM115.60 juta seterusnya daerah Mersing sebanyak 6.6 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM147.76 juta.

**SUBSEKTOR
AKUAKULTUR**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

10.0 PARAMETER SUBSEKTOR AKUAKULTUR, JOHOR

10.1 PROFIL PEGANGAN SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 599 pegangan pertanian bagi subsektor akuakultur direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 351 pegangan pertanian individu (58.6%) dan 248 pegangan pertanian pertubuhan (41.4%). Johor Bahru mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 278(46.4%), diikuti oleh Pontian (81; 13.5%) dan Kota Tinggi (46; 7.6%).


Paparan 32: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Akuakultur, Johor, 2023

JOHOR 		Pegangan Pertanian Subsektor Akuakultur: 599 Individu: 351 Pertubuhan: 248		
Daerah		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Batu Pahat		40	11	29
Johor Bahru		278	191	87
Kluang		21	9	12
Kota Tinggi		46	10	36
Mersing		21	7	14
Muar		37	21	16
Pontian		81	59	22
Segamat		25	21	4
Kulai		20	3	17
Tangkak		30	19	11

10.1.1 Kewarganegaraan

Keseluruhan 351 pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur di Malaysia merupakan warganegara Malaysia. Tiada penglibatan bukan warganegara direkodkan bagi subsektor ini.

Paparan 33: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Kewarganegaraan, Negeri Johor, 2023




Warganegara

351
(100.0%)

10.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur di Malaysia didominasi oleh lelaki iaitu 326 orang (92.9%) berbanding 25 orang perempuan (7.1%). Semua negeri merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 34: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Jantina, Johor 2023



10.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 124 orang atau 35.3 peratus daripada pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur adalah berumur 46 hingga 59 tahun, diikuti oleh individu yang berumur 31 hingga 45 tahun (111 orang; 31.6%), 60 tahun dan ke atas (79 orang; 22.5%) dan 15 hingga 30 tahun (37 orang; 10.5%).

Paparan 35: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Kumpulan Umur, Johor 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

10.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 255 orang (72.7%), diikuti oleh Cina (93 orang; 26.5%) dan India (3 orang; 0.8%).


Paparan 36: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Kumpulan Etnik, Johor, 2023



10.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (284 orang; 80.9%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (34 orang; 9.7%), balu/ duda (32 orang; 9.1%) dan bercerai/ berpisah satu orang (0.3%).


Paparan 37: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Taraf Perkahwinan, Johor, 2023



10.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 140 orang atau 39.9 peratus pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil (111 orang; 31.6%) dan peringkat rendah (84 orang; 23.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 16 orang (5.2%).

Paparan 38: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

10.2 KUANTITI PENGELUARAN

Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 42.6 ribu tan metrik, yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 351.0 juta ekor.


Paparan 39: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Johor, 2023



10.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti jualan sebanyak 39.3 ribu tan metrik merangkumi subsektor akuakultur air tawar dan air payau. Sementara itu, kuantiti jualan bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah 347.1 juta ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.0 bilion.

Paparan 40: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Johor, 2023



10.4 PARAMETER SUBSEKTOR AKUAKULTUR MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Akuakultur merupakan salah satu subsektor penting dalam industri perikanan di negeri Johor. Subsektor ini merangkumi penternakan, pembiakan dan penuaian hidupan akuatik seperti ikan, udang, kerang, dan spesies akuatik lain seperti rumpai laut di kawasan kolam, tasik, dan sangkar di laut. Johor menjadi antara negeri utama yang menyumbang kepada pengeluaran hasil akuakultur negara disebabkan oleh kedudukannya yang strategik serta keadaan geografi yang sesuai. Jenis akuakultur yang terlibat adalah akuakultur marin (air payau), baka dan benih, ikan hiasan dan akuakultur air tawar .


Berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023, seramai 599 pengusaha akuakultur direkodkan dengan pecahan 351 pengusaha individu dan 248 pertubuhan. Ini menunjukkan pertumbuhan berterusan dalam penyertaan sektor ini oleh pengusaha tempatan, termasuk dalam bentuk perusahaan kecil dan sederhana. Tiga daerah yang mencatatkan bilangan pengusaha tertinggi iaitu daerah Johor Bahru dengan 278 pengusaha, diikuti Pontian dengan 81 pengusaha dan Kota Tinggi (46 pengusaha).

Jumlah keluasan kawasan ternakan akuakultur di Negeri Johor yang diusahakan adalah 2.2 ribu hektar dengan 391 hektar bagi individu dan 1.8 ribu hektar bagi pertubuhan.

Sejumlah 42.6 ribu tan metrik akuakultur (ikan, udang, kerang, dan spesies akuatik lain) telah dicatatkan bagi tahun 2023, manakala 351.0 juta ekor pengeluaran ikan hiasan pada tahun yang sama. Kuantiti pengeluaran akuakultur tertinggi dicatatkan oleh Kota Tinggi, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 18.1 ribu tan metrik, diikuti oleh Johor Bahru (12.8 ribu tan metrik) dan Batu Pahat (3.9 ribu tan metrik). Tiga daerah yang mencatatkan kuantiti Pengeluaran tertinggi bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah Kota Tinggi (194.99 juta ekor), diikuti oleh Kulai (71.9 juta ekor) dan Johor Bahru (48.3 juta ekor).

Kuantiti jualan yang dicatatkan bagi subsektor akuakultur iaitu 39.3 ribu tan metrik (ikan, udang, kerang, dan spesies akuatik lain) dan 34.1 juta ekor ikan hiasan. Kota Tinggi merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu sebanyak 17.7 ribu tan metrik, diikuti oleh Johor Bahru (10.5 ribu tan metrik) dan Batu Pahat (3.8 ribu tan metrik). Tiga daerah yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah Kota Tinggi (194.96 juta ekor), diikuti oleh Kulai (69.6 juta ekor) dan Johor Bahru (47.4 juta ekor).

Manakala, nilai jualan akuakultur bagi keseluruhan Negeri Johor sebanyak RM1.0 bilion. Tiga daerah yang mencatatkan nilai jualan yang tertinggi adalah Kota Tinggi dengan nilai sebanyak RM491.3 juta, diikuti Johor Bahru dengan RM223.8 juta dan Pontian dengan RM105.4 juta.



SUBSEKTOR
**PERHUTANAN
& PEMBALAKAN**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

11.0 PARAMETER SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN, JOHOR

11.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 41 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi dua pegangan pertanian individu (4.9%) dan 39 pegangan pertanian pertubuhan (95.1%). Segamat mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 17 (41.5%), diikuti oleh Batu Pahat, Johor Bahru dan Muar dengan masing-masing mempunyai bilangan pegangan pertanian seramai lima orang (12.2%).


Paparan 41: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Johor, 2023

JOHOR 		Pegangan Pertanian Subsektor Perhutanan dan Pembalakan: 41 Individu: 2 Pertubuhan: 39		
Daerah		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Batu Pahat		5	-	5
Johor Bahru		5	-	5
Kluang		3	-	3
Kota Tinggi		3	-	3
Mersing		-	-	-
Muar		5	-	5
Pontian		-	-	-
Segamat		17	2	15
Kulai		-	-	-
Tangkak		3	-	3

11.1.1 Kewarganegaraan

Secara keseluruhannya, dua orang pegangan pertanian individu bagi subsektor perhutanan & pembalakan di Johor merupakan warganegara. Tiada penglibatan bukan warganegara bagi subsektor ini di negeri Johor.

Paparan 42: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Kewarganegaraan, Johor, 2023



Warganegara
(100.0%)

11.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu bagi subsektor perhutanan & pembalakan di negeri Johor hanya didominasi oleh kaum lelaki iaitu dua orang dan tiada penglibatan daripada kaum perempuan.

Paparan 43: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Jantina, Johor, 2023




Lelaki
(100.0%)

11.1.3 Kumpulan Umur

Bagi pegangan pertanian individu bagi subsektor perhutanan & pembalakan, hanya seorang individu adalah berumur 46 hingga 59 tahun dan seorang individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas.

Paparan 44: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Kumpulan Umur, Johor 2023



11.1.4 Kumpulan Etnik

Keseluruhan pegangan pertanian individu bagi aktiviti perhutanan & pembalakan adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai dua orang dan tiada penglibatan daripada etnik lain di negeri Johor.


Paparan 45: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Kumpulan Etnik, Johor, 2023



11.1.5 Taraf Perkahwinan

Bagi taraf perkahwinan bagi pegangan pertanian individu aktiviti perhutanan & pembalakan, hanya seorang individu terdiri daripada yang telah berkahwin dan seorang individu terdiri daripada balu/duda.


Paparan 46: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Taraf Perkahwinan, Johor, 2023



11.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Bagi pegangan pertanian individu aktiviti perhutanan & pembalakan, hanya seorang individu mempunyai sijil pendidikan peringkat rendah dan seorang individu tidak mempunyai sijil.

Paparan 47: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023




11.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan adalah 96.1 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 43.0 meter padu, manakala pegangan pertanian pertubuhan 96.1 ribu meter padu. Muar mencatatkan kuantiti keseluruhan pembalakan tertinggi iaitu sebanyak 31.2 ribu meter padu, diikuti oleh Batu Pahat (25.2 ribu meter padu) dan Kota Tinggi (12.8 ribu meter padu). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 72.0 peratus kepada pengeluaran pembalakan negeri Johor.

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 4.3 ribu kilogram. Pegangan pertanian individu menyumbang 20 kilogram (0.5%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 4.2 ribu kilogram (99.5%). Kota Tinggi mengeluarkan hasil hutan bukan kayu yang tertinggi iaitu 4.2 ribu kilogram, manakala Segamat dan Kluang pula masing-masing sebanyak 20.0 dan 9.9 kilogram.

Paparan 48: Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Johor, 2023




1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

11.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan adalah 82.8 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, kuantiti jualan pegangan pertanian individu adalah sebanyak 0.04 ribu meter padu (0.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan, 82.8 ribu meter padu (99.9%). Muar mencatatkan kuantiti jualan tertinggi sebanyak 31.2 ribu meter padu, diikuti oleh Batu Pahat (25.2 ribu meter padu) dan Segamat (10.6 ribu meter padu). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 81.0 peratus kepada kuantiti jualan pembalakan negeri Johor.

Kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 4.0 ribu kilogram. Sumbangan tersebut dicatatkan oleh pegangan pertanian individu dengan 20 kilogram (0.5%) dan pegangan pertanian pertubuhan, 4.0 ribu kilogram (99.5%). Kota Tinggi mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 4.0 ribu kilogram, manakala Segamat dan Kluang masing-masing sebanyak 20.0 dan 9.9 kilogram. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM32.71 juta.

Paparan 49: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Johor, 2023



- 1) Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- 2) Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

11.4 PARAMETER SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Secara keseluruhannya, nilai jualan subsektor perhutanan & pembalakan di negeri Johor merekodkan RM 32.71 juta, di mana 99.9 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM 32.71 juta). Manakala pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak 0.02 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian bagi subsektor perhutanan dan pembalakan di negeri Johor iaitu (RM 5,156)

Segamat merekodkan nilai jualan keseluruhan tertinggi bagi subsektor perhutanan & pembalakan iaitu, RM 20.49 juta diikuti Muar (RM3.21 juta) dan Kluang (RM 2.93 juta). Bagi kuantiti pengeluaran tertinggi aktiviti pembalakan, daerah Muar mendahului dengan mencatatkan sebanyak 31.2 ribu meter padu dengan nilai jualan RM 3.21 juta diikuti Batu Pahat (25.2 ribu meter padu) dan Kota Tinggi (12.8 ribu meter padu). Tangkak pula menghasilkan kuantiti pengeluaran dan jualan terendah bagi aktiviti pembalakan (0.8 ribu meter padu) tetapi masih berjaya memperoleh nilai jualan mencecah RM1.1 juta.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



BATU PAHAT


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

12.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH BATU PAHAT

12.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 18,719 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Daerah Batu Pahat. Daripada jumlah ini, 18,161 (97.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 558 (3.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 50: Pegangan Pertanian, Batu Pahat, 2023



12.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Batu Pahat dengan keluasan tanaman mencecah 70.4 ribu hektar dengan nilai jualan melebihi RM3,775.50 juta. Subsektor ini menunjukkan keupayaan besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi luar bandar, menjana pendapatan, dan menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

Paparan 51: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Buah-buahan dan Kelapa Sawit, Batu Pahat, 2023

Buah-buahan

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	: 8.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	: 166.4
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	: 117.2
Nilai Jualan (RM Juta)	: 999.63



Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	: 55.2
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	: 937.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	: 937.9
Nilai Jualan (RM Juta)	: 826.08



Buah-buahan merupakan tanaman paling dominan di Batu Pahat. Buah-buahan menyumbang lebih RM999.63 juta daripada nilai jualan (kuantiti pengeluaran 166.4 ribu tan metrik, kuantiti jualan: 117.2 ribu tan metrik) dan 8.7 ribu hektar daripada keseluruhan kawasan tanaman di daerah Batu Pahat. Kelapa sawit menduduki tempat kedua dengan sumbangan nilai jualan melebihi RM826.08 juta (kuantiti pengeluaran dan jualan: 937.9 ribu tan metrik) dan keluasan bertanam sebanyak 55.2 ribu hektar. Manakala tanaman seperti getah, koko dan lada masih wujud namun dalam skala kecil, sesuai bagi pengusaha kecil atau kegunaan domestik di daerah ini.

Paparan 52: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Nanas, Batu Pahat, 2023

Nanas

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	: 1.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	: 34.3
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	: 33.4
Nilai Jualan (RM Juta)	: 97.31



Selain kelapa sawit, tanaman nanas di Batu Pahat merupakan ketiga tertinggi selepas Kluang dan Pontian. Nanas ditanam di kawasan seluas 1.1 ribu hektar. Keluasan ini mencerminkan nanas berpotensi besar untuk pengeluaran dan menunjukkan bahawa ia adalah tanaman yang signifikan di daerah ini. Nanas di daerah Batu Pahat menghasilkan 34.3 ribu tan metrik dengan kuantiti jualan berjumlah 33.4 ribu tan metrik.

Nilai jualan nanas di Batu Pahat adalah RM97.31 juta. Ini menandakan sumbangan penting nanas kepada ekonomi lokal dan pendapatan petani setempat.

Paparan 53: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran, Padi dan Tanaman Lain, Batu Pahat, 2023

Sayur-sayuran

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	2.5
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	39.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	39.0
Nilai Jualan (RM Juta)	:	260.13



Padi

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	149.1
Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	:	654.4
Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	:	431.2
Nilai Jualan (RM Ribu)	:	612.75



Tanaman Lain

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	1.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	18.8
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	18.1
Nilai Jualan (RM Juta)	:	101.60



Di daerah Batu Pahat, keluasan bertanam sebanyak 4.4 ribu hektar tanah digunakan dalam tanaman sayur-sayuran, tanaman lain dan padi. Batu Pahat merupakan pengeluar keempat tertinggi sayur-sayuran di Johor selepas daerah Kota Tinggi. Sayur-sayuran ditanam di kawasan seluas 2.5 ribu hektar. Sayur-sayuran mempunyai nilai jualan tertinggi sebanyak RM260.13 juta di daerah Batu Pahat. Selain itu, tanaman lain yang merangkumi pelbagai jenis tanaman mencatatkan keluasan 1.7 ribu hektar dan nilai jualan sebanyak RM101.60 juta.

Paparan 54: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Batu Pahat, 2023

	 Kilogram (‘000)	 Biji (‘000)	 Ekor (‘000)	 Liter (‘000)
Kuantiti Pengeluaran	30.0	1,589,876.0	72,726.3	114.8
Kuantiti Jualan	10.6	1,237,964.2	64,593.6	108.3
Nilai Jualan (RM Juta)	1,356.99			

Subsektor ternakan di daerah Batu Pahat memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri Johor bagi tahun 2023. Hasil daripada Banci Pertanian 2024, daerah ini menunjukkan jumlah pengeluaran dan nilai jualan yang tinggi dalam pelbagai kategori ternakan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di daerah Batu Pahat adalah sebanyak 72.7 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 64.6 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 1.6 bilion biji telur, 114.8 ribu liter susu segar dan 30.0 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 1.2 bilion biji telur, 108.3 ribu liter susu segar dan 10.6 ribu kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan bagi industri ternakan di Batu Pahat adalah RM1.4 bilion, menjadikannya daerah dengan nilai jualan tertinggi di Johor. Nilai jualan tertinggi ini disumbangkan oleh sektor ruminan dan unggas, telur, madu dan sarang burung walet dan susu.

Paparan 55: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Batu Pahat, 2023

	 Tan Metrik ('000)
Kuantiti Pengeluaran	2.8
Kuantiti Jualan	2.8
Nilai Jualan (RM Juta)	61.84

Subsektor perikanan di daerah Batu Pahat, memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan, dengan sumbangan daripada kedua-dua subsektor akuakultur dan perikanan tangkapan. Subsektor perikanan tangkapan di Batu Pahat mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan yang sama iaitu 2.8 ribu tan metrik. Subsektor perikanan ini merekodkan nilai jualan sebanyak RM61.84 juta.


Paparan 56: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Batu Pahat, 2023

	 Tan Metrik ('000)	 Ekor ('000)
Kuantiti Pengeluaran	3.9	3,605.8
Kuantiti Jualan	3.8	3,588.9
Nilai Jualan (RM Juta)	64.10	


Subsektor akuakultur di daerah Batu Pahat meliputi air payau/ air tawar dan ikan hiasan, baka & benih. Kuantiti pengeluaran hasil bagi air payau/ air tawar mencecah 3.9 ribu tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 3.8 ribu tan metrik. Bagi ikan hiasan, baka & benih, kuantiti pengeluaran mencatatkan 3,605.8 ribu ekor, manakala kuantiti jualan mencatatkan 3,588.9 ribu ekor. Subsektor akuakultur

menunjukkan nilai ekonomi yang tinggi di Batu Pahat dengan catatan nilai jualan RM64.10 juta, keempat tertinggi selepas Kota Tinggi, Johor Bahru dan Pontian.

Paparan 57: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Batu Pahat, 2023



Hasil hutan merupakan penyumbang utama kepada perhutanan & pembalakan di daerah Batu Pahat. Hasil hutan Batu Pahat menunjukkan daya saing yang aktif kepada ekonomi negeri dengan catatan kuantiti pengeluaran sebanyak 25.2 ribu kubik meter, keempat terbesar kepada hasil hutan di Johor. Kuantiti jualan hasil hutan di Batu Pahat menunjukkan jumlah sebanyak 25.2 ribu kubik meter. Dari segi nilai jualan, hasil hutan di Batu Pahat telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM2.59 juta.



JOHOR BAHRU


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

13.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH JOHOR BAHRU

13.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 7,438 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di daerah Johor Bahru. Daripada jumlah ini, 6,911 (92.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 527 (7.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 58: Pegangan Pertanian, Johor Bahru, 2023



13.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Johor Bahru. Keluasan tanaman mencecah 46.5 ribu hektar dengan nilai jualan melebihi RM1,339.04 juta. Mencatatkan kuantiti pengeluaran dan jualan masing-masing sebanyak 923.9 ribu tan metrik dan 913.7 ribu tan metrik. Subsektor ini menunjukkan keupayaan besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi luar bandar, menjana pendapatan, dan menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

Paparan 59: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Kelapa Sawit dan Buah-Buahan, Johor Bahru, 2023

Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	38.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	795.1
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	795.1
Nilai Jualan (RM Juta)	:	731.75



Sayur-sayuran

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	4.6
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	76.8
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	74.6
Nilai Jualan (RM Juta)	:	438.07



Kelapa sawit merupakan tanaman paling dominan di Johor Bahru. Tanaman ini menyumbang lebih RM731.75 juta nilai jualan dengan keluasan bertanam 38.1 ribu hektar. Kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan bagi kelapa sawit adalah sama iaitu sebanyak 795.1 ribu tan metrik.

Sayur-sayuran menduduki tempat kedua bagi tanaman di daerah Johor Bahru. Sumbangan nilai jualan sebanyak RM438.07 juta dengan kuantiti pengeluaran 76.8 ribu tan metrik, kuantiti jualan 74.6 tan metrik dan keluasan bertanam sebanyak 4.6 ribu hektar. Manakala tanaman seperti getah dan lada masih wujud namun dalam skala kecil, sesuai bagi pengusaha kecil atau kegunaan domestik di daerah ini.

Paparan 60: Parameter Utama Subsektor: Nanas, Johor Bahru, 2023

Nanas

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	658.6
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	21.3
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	21.0
Nilai Jualan (RM Juta)	:	55.50



Di daerah Johor Bahru, nanas ditanam di kawasan seluas 658.6 hektar dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 21.3 ribu tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak 21.0 ribu tan metrik. Nilai keseluruhan jualan nanas bagi daerah Johor Bahru adalah RM55.50 juta pada Banci Pertanian 2024.

Paparan 61: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Tanaman Lain dan Buah-buahan, Johor Bahru, 2023

Tanaman Lain

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	1.3
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	20.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	16.9
Nilai Jualan (RM Juta)	:	59.70



Buah-buahan

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	706.3
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	8.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	5.2
Nilai Jualan (RM Juta)	:	44.96



Di daerah Johor Bahru, terdapat sebanyak 2.0 ribu hektar keluasan bertanam digunakan dalam tanaman lain dan buah-buahan. Tanaman lain yang merangkumi pelbagai jenis tanaman mencatatkan keluasan 1.3 ribu hektar dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 20.9 ribu tan metrik dan kuantiti jualan 16.9 tan metrik. Nilai jualan bagi tanaman lain adalah sebanyak RM59.70 juta.

Sementara itu, buah-buahan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM44.96 juta dengan keluasan bertanam 706.3 hektar. Kuantiti pengeluaran bagi buah-buahan adalah 8.9 ribu tan metrik dan kuantiti dijual sebanyak 5.2 ribu tan metrik di daerah Johor Bahru.

**Paparan 62: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan,
Johor Bahru, 2023**

	 Kilogram (‘000)	 Biji (‘000)	 Ekor (‘000)	 Liter (‘000)
Kuantiti Pengeluaran	9.5	48,433.9	26,145.7	1,296.1
Kuantiti Jualan	9.5	46,476.4	25,291.3	1,294.8
Nilai Jualan (RM Juta)	299.68			

Industri ternakan di Johor Bahru memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri Johor bagi tahun 2024. Hasil daripada Banci Pertanian 2024, daerah ini menunjukkan jumlah pengeluaran dan nilai jualan yang tinggi merangkumi haiwan hidup dan hasil ternakan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Johor Bahru adalah sebanyak 26.1 juta ekor haiwan hidup, 48.4 juta telur, dan 1.3 juta liter susu segar. Kuantiti jualan pula mencatatkan 25.3 juta ekor haiwan hidup, 46.5 juta biji telur, dan 1.3 juta liter susu segar.

Nilai jualan keseluruhan bagi industri ternakan di Johor Bahru adalah RM299.68 juta. Nilai jualan ini disumbangkan oleh kategori ternakan hidup, telur dan susu segar.

**Paparan 63: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan,
Johor Bahru, 2023**

	 Tan Metrik (000)
Kuantiti Pengeluaran	14.0
Kuantiti Jualan	14.0
Nilai Jualan (RM Juta)	120.92

Subsektor perikanan di daerah Johor Bahru, memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan, dengan sumbangan daripada kedua-dua subsektor akuakultur dan perikanan tangkapan. Subsektor perikanan tangkapan di Johor Bahru mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan yang sama iaitu 14.0 ribu tan metrik. Subsektor perikanan tangkapan ini merekodkan nilai jualan sebanyak RM120.92 juta.

**Paparan 64: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur,
Johor Bahru, 2023**

	 Tan Metrik (000)	 Ekor ('000)
Kuantiti Pengeluaran	12.8	48,335.3
Kuantiti Jualan	10.5	47,373.7
Nilai Jualan (RM Juta)	223.77	

Subsektor akuakultur di daerah Johor Bahru meliputi air payau/ air tawar dan ikan hiasan, baka & benih. Kuantiti pengeluaran hasil bagi air payau/air tawar mencecah 12.8 ribu tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 10.5 ribu tan metrik. Bagi ikan hiasan, baka & benih, kuantiti pengeluaran mencatatkan 48.3 juta ekor, manakala kuantiti jualan mencatatkan 47.4 juta ekor. Subsektor akuakultur menunjukkan nilai ekonomi yang tinggi di Johor Bahru dengan catatan nilai jualan RM223.77 juta, kedua tertinggi selepas Kota Tinggi.

**Paparan 65: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan,
Johor Bahru, 2023**

	 Kubik Meter (000)
Kuantiti Pengeluaran	8.1
Kuantiti Jualan	8.1
Nilai Jualan (RM Juta)	2.12

Hasil hutan di daerah ini merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 8.1 ribu meter padu. Kuantiti jualan hasil hutan juga direkodkan sebanyak 8.1 ribu meter padu. Dari segi nilai jualan, hasil hutan di Johor Bahru telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM2.12 juta pada tahun 2023.



KLUANG


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

14.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH KLUANG

14.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 10,937 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di daerah Kluang. Daripada jumlah ini, 10,317 (94.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 620 (5.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 66: Pegangan Pertanian, Kluang, 2023



14.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Kluang. Keluasan tanaman mencecah 185.7 ribu hektar. Mencatatkan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama iaitu sebanyak 3.5 juta tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM5.00 bilion. Subsektor ini menunjukkan keupayaan besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi luar bandar, menjana pendapatan dan menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

Paparan 67: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Kelapa Sawit dan Buah-buahan, Kluang, 2023

Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	172.4
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	3,200.6
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	3,200.6
Nilai Jualan (RM Juta)	:	2,901.86



Buah-buahan

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	4.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	65.4
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	43.9
Nilai Jualan (RM Juta)	:	625.61



Kelapa Sawit merupakan tanaman paling dominan di Kluang. Tanaman ini menyumbang lebih RM2.90 bilion nilai jualan dengan keluasan bertanam 172.4 ribu hektar. Kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan bagi kelapa sawit adalah sama iaitu sebanyak 3.2 juta tan metrik.

Buah-buahan menduduki tempat kedua bagi tanaman di daerah Kluang. Sumbangan nilai jualan sebanyak RM625.61 juta dengan kuantiti pengeluaran 65.4 ribu tan metrik, kuantiti jualan 43.9 ribu tan metrik dan keluasan bertanam sebanyak 4.1 ribu hektar. Manakala, tanaman seperti getah dan lada masih wujud namun dalam skala kecil, sesuai bagi pengusaha kecil atau kegunaan domestik di daerah ini.

Paparan 68: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Nanas, Kluang, 2023

Nanas

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	4.9
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	173.7
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	171.6
Nilai Jualan (RM Juta)	:	503.83



Selain kelapa sawit, tanaman nanas di daerah Kluang merupakan yang tertinggi mengatasi daerah-daerah lain seperti Pontian dan Batu Pahat. Nanas ditanam di kawasan seluas 4.9 ribu hektar dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 173.7 ribu tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak 171.6 ribu tan metrik. Keluasan ini mencerminkan potensi besar untuk pengeluaran nanas dan menunjukkan bahawa ia adalah tanaman yang signifikan di daerah ini. Nilai keseluruhan jualan nanas bagi

daerah Kluang adalah RM503.83 juta pada Banci Pertanian 2024. Ini menandakan sumbangan penting nanas kepada ekonomi dan pendapatan petani setempat.

Paparan 69: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran dan Tanaman Lain, Kluang, 2023

Sayur-sayuran

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	2.5
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	43.1
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	42.3
Nilai Jualan (RM Juta)	:	252.82



Tanaman lain

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	535.4
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	4.0
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	3.9
Nilai Jualan (RM Juta)	:	11.38



Di daerah Kluang, terdapat sebanyak 3.0 ribu hektar keluasan bertanam digunakan dalam tanaman sayur-sayuran dan tanaman lain. Sayur-sayuran mempunyai nilai jualan sebanyak RM252.82 juta dengan keluasan bertanam 2.5 ribu hektar di Kluang. Kuantiti pengeluaran bagi sayur-sayuran adalah 43.1 ribu tan metrik dan kuantiti dijual sebanyak 42.3 ribu tan metrik.

Selain itu, tanaman lain yang merangkumi pelbagai jenis tanaman mencatatkan keluasan 535.4 hektar dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 4.0 ribu tan metrik dan kuantiti jualan 3.9 ribu tan metrik. Nilai jualan bagi tanaman lain adalah sebanyak RM11.38 juta di daerah Kluang.

Paparan 70: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Kluang, 2023

	 Kilogram (‘000)	 Biji (‘000)	 Ekor (‘000)	 Liter (‘000)
Kuantiti Pengeluaran	7.7	480,016.3	42,702.6	893.6
Kuantiti Jualan	7.7	475,824.4	40,101.2	836.4
Nilai Jualan (RM Juta)	636.19			

Subsektor ternakan di Kluang memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri Johor bagi tahun 2024. Hasil daripada Banci Pertanian 2024, daerah ini menunjukkan jumlah pengusaha yang signifikan serta pengeluaran dan nilai jualan yang tinggi dalam pelbagai kategori ternakan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Kluang adalah sebanyak 42.7 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 40.1 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 480.0 juta biji telur, 893.6 ribu liter susu segar dan 7.7 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 475.8 juta telur, 836.4 ribu liter susu segar dan 7.7 ribu kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan bagi industri ternakan di Kluang adalah RM636.19 juta. Nilai jualan ini disumbangkan oleh sektor ruminan dan unggas, telur, madu dan sarang burung walet dan susu.

Paparan 71: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kluang, 2023

	 Tan Metrik
Kuantiti Pengeluaran	39.7
Kuantiti Jualan	39.7
Nilai Jualan (RM Juta)	1.30


Subsektor perikanan di daerah Kluang, memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan, dengan sumbangan daripada kedua-dua subsektor akuakultur dan perikanan tangkapan. Subsektor perikanan tangkapan di Kluang mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan yang sama iaitu 39.7 tan metrik. Subsektor perikanan ini merekodkan nilai jualan sebanyak RM1.30 juta.

Paparan 72: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Kluang, 2023

	 Tan Metrik	 Ekor (Juta)
Kuantiti Pengeluaran	730.1	15.3
Kuantiti Jualan	722.2	15.2
Nilai Jualan (RM Juta)	44.69	

Subsektor akuakultur di daerah Kluang meliputi air payau/air tawar dan ikan hiasan, baka & benih. Kuantiti pengeluaran hasil bagi air payau/air tawar mencecah 730.1 tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 722.2 tan metrik. Bagi ikan hiasan, baka & benih, kuantiti pengeluaran mencatatkan 15.3 juta ekor, manakala kuantiti jualan mencatatkan 15.2 juta ekor. Keseluruhannya, subsektor akuakultur Kluang mencatatkan nilai jualan sebanyak RM44.69 juta.

Paparan 73: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kluang, 2023



Hasil hutan merupakan penyumbang utama kepada perhutanan & pembalakan di daerah Kluang. Hasil hutan daerah Kluang menunjukkan daya saing yang aktif kepada ekonomi negeri dengan catatan kuantiti pengeluaran sebanyak 7.4 ribu kubik meter. Kuantiti jualan hasil hutan di Kluang menunjukkan jumlah sebanyak 2.4 ribu kubik meter. Dari segi nilai jualan, hasil hutan di Kluang telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM2.93 juta.



KOTA TINGGI


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

15.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH KOTA TINGGI

15.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 4,662 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di daerah Kota Tinggi. Daripada jumlah ini, 4,359 (93.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 303 (6.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 74: Pegangan Pertanian, Kota Tinggi, 2024



15.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Kota Tinggi dengan penglibatan seramai 3,812 pengusaha, keluasan tanaman mencecah 158.7 ribu hektar. Manakala, bagi subsektor tanaman mencatatkan kuantiti pengeluaran dan jualan masing-masing sebanyak 3.2 juta tan metrik dan 3.2 juta tan metrik. Serta nilai jualan melebihi RM3.53 bilion. Subsektor tanaman merupakan komponen penting dalam sektor pertanian serta memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara.

**Paparan 75: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Kelapa Sawit,
Buah-buahan dan Sayur-sayuran Kota Tinggi, 2024**

Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 hektar)	:	148.8
Kuantiti Pengeluaran ('000 tan metrik)	:	3,034.9
Kuantiti Jualan ('000 tan metrik)	:	3,034.9
Nilai Jualan (RM juta)	:	2,769.71



Buah-buahan

Keluasan Tanaman ('000 hektar)	:	2.2
Kuantiti Pengeluaran ('000 tan metrik)	:	41.2
Kuantiti Jualan ('000 tan metrik)	:	29.9
Nilai Jualan (RM juta)	:	345.83



Sayur-sayuran

Keluasan Tanaman ('000 hektar)	:	3.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 tan metrik)	:	53.4
Kuantiti Jualan ('000 tan metrik)	:	51.8
Nilai Jualan (RM juta)	:	327.87



Kelapa sawit merupakan tanaman paling dominan di daerah Kota Tinggi. Kelapa sawit menyumbang lebih RM2.77 billion daripada nilai jualan (kuantiti pengeluaran dan jualan: 3.0 juta tan metrik) dan 148.8 ribu hektar daripada keseluruhan kawasan tanaman di Kota Tinggi. Keluasan ini mencerminkan bahawa kelapa sawit merupakan tanaman yang signifikan di daerah ini. Daerah ini juga mencatatkan sebagai kawasan FELDA tertinggi di Negeri Johor dengan jumlah sebanyak 29 FELDA, menjadikannya antara kawasan utama bagi penanaman kelapa sawit. Buah-buahan menduduki tempat kedua dengan sumbangan nilai jualan melebihi RM345.83 juta (kuantiti pengeluaran 41.2 ribu tan metrik, kuantiti jualan: 29.9 ribu tan metrik) dan keluasan bertanam sebanyak 2.2 ribu hektar. Selain itu, daerah Kota Tinggi juga didominasi oleh tanaman sayur-sayuran dengan nilai jualan sebanyak RM327.87 juta (kuantiti pengeluaran 53.4 ribu tan metrik, kuantiti jualan: 51.8 ribu tan metrik) dan keluasan bertanaman sebanyak 3.1 ribu hektar. Manakala tanaman seperti getah, nanas, kenaf dan lada masih wujud namun dalam skala kecil.

Paparan 76: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Nanas, Getah, Kenaf, Lada dan Tanaman Lain, Kota Tinggi, 2024

Getah

Keluasan Tanaman (hektar)	:	785.3
Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)	:	531.2
Kuantiti Jualan (tan metrik)	:	531.2
Nilai Jualan (RM juta)	:	4.78



Nanas

Keluasan Tanaman (hektar)	:	455.8
Kuantiti Pengeluaran ('000 tan metrik)	:	15.7
Kuantiti Jualan ('000 tan metrik)	:	15.1
Nilai Jualan (RM juta)	:	40.09



Kenaf

Keluasan Tanaman (hektar)	:	4.1
Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)	:	40.5
Kuantiti Jualan (tan metrik)	:	35.5
Nilai Jualan (RM ribu)	:	12.41



Lada

Keluasan Tanaman (hektar)	:	32.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 kilogram)	:	66.8
Kuantiti Jualan ('000 kilogram)	:	54.7
Nilai Jualan (RM juta)	:	1.56



Tanaman Lain

Keluasan Tanaman ('000 hektar)	:	3.4
Kuantiti Pengeluaran ('000 tan metrik)	:	28.4
Kuantiti Jualan ('000 tan metrik)	:	26.5
Nilai Jualan (RM juta)	:	45.65



Di daerah Kota Tinggi, terdapat 416 pengusaha terlibat bagi tanaman getah dengan keluasan sebanyak 785.3 hektar, 48 pengusaha bagi tanaman nanas dengan keluasan sebanyak 455.8 hektar, seorang pengusaha bagi tanaman kenaf, sepuluh pengusaha bagi tanaman lada dan juga 392 pengusaha bagi tanaman lain.


Paparan 77: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Kota Tinggi, 2023

		 Kilogram ('000)	 Biji ('000)	 Ekor ('000)	 Liter ('000)
Kuantiti Pengeluaran	»»	8.9	56.3	30,162.7	5,324.7
Kuantiti Jualan	»»	8.6	43.4	28,154.2	5,268.1
Nilai Jualan (RM juta)	»»	118.76			

Industri ternakan turut memainkan peranan penting di daerah Kota Tinggi. Hasil daripada Banci Pertanian 2024, daerah ini mencatatkan seramai 183 pegangan pertanian di mana 155 merupakan pengusaha individu dan 28 pengusaha pertubuhan. Sektor ini mencatatkan nilai jualan sebanyak RM118.76 juta.


Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Kota Tinggi adalah sebanyak 30.2 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 28.2 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 56.3 ribu biji telur, 5.32 juta liter susu segar dan 8.9 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 43.4 ribu biji telur, 5.27 juta liter susu segar dan 8.6 ribu kilogram hasilan ternakan lain.

Paparan 78: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kota Tinggi, 2023



Subsektor perikanan di Kota Tinggi, memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan, dengan sumbangan daripada kedua-dua subsektor akuakultur dan perikanan tangkapan. Subsektor perikanan tangkapan di Kota Tinggi mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 7.4 ribu tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak iaitu 7.4 ribu tan metrik. Subsektor perikanan tangkapan ini merekodkan nilai jualan sebanyak RM115.60 juta dan diusahakan oleh seramai 723 pegangan pertanian di mana 686 merupakan pengusaha individu dan 37 pengusaha pertubuhan.

Paparan 79: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Kota Tinggi, 2023



Subsektor akuakultur di Kota Tinggi meliputi air payau/ air tawar dan ikan hiasan, baka & benih. Kuantiti pengeluaran hasil bagi air payau/ air tawar mencecah 18.2 ribu tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 17.7 ribu tan metrik. Bagi ikan hiasan, baka & benih, kuantiti pengeluaran mencatatkan 194.99 juta ekor, manakala kuantiti jualan mencatatkan 194.96 juta ekor. Subsektor akuakultur menunjukkan nilai ekonomi kedua tertinggi di Kota Tinggi, di mana nilai jualan adalah sebanyak RM491.36 juta dengan jumlah keluasan sebanyak 899.0 hektar. Aktiviti ini di daerah Kota Tinggi diusahakan oleh 46 pegangan pertanian di mana 36 merupakan pengusaha pertubuhan.

Paparan 80: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kota Tinggi, 2023

		 Kubik Meter ('000)	 Kilogram ('000)
Kuantiti Pengeluaran	➤➤	12.8	4.2
Kuantiti Jualan	➤➤	4.5	4.0
Nilai Jualan (RM ribu)	➤➤	281.21	

Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan rekod sebanyak tiga pertubuhan yang mengusahakan perhutanan dan pembalakan di daerah Kota Tinggi. Nilai jualan bagi sektor ini adalah sebanyak RM281.21 ribu. Bagi subsektor perhutanan, jumlah pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 4.2 ribu kilogram manakala subsektor pembalakan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 12.8 ribu kubik meter.



MERSING


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

16.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH MERSING

16.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 4,410 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Daerah Mersing. Daripada jumlah ini, 4,286 (97.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 124 (2.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 81: Pegangan Pertanian, Mersing, 2023



16.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Mersing dengan keluasan tanaman mencecah 67.3 ribu hektar dan merekodkan nilai jualan melebihi RM1.09 bilion. Subsektor ini menunjukkan keupayaan besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi luar bandar, menjana pendapatan, dan menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

**Paparan 82: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Kelapa Sawit,
Buah-buahan dan Getah, Mersing, 2023**

Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	64.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	1,142.6
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	1,142.6
Nilai Jualan (RM Juta)	:	1,043.74



Buah-buahan

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	462.6
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	4.2
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	3.1
Nilai Jualan (RM Juta)	:	15.72



Getah

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	1.3
Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	:	855.1
Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	:	855.1
Nilai Jualan (RM Juta)	:	5.12



Kelapa sawit merupakan tanaman paling dominan di daerah Mersing dengan sumbangan nilai jualan melebihi RM1.04 bilion (kuantiti pengeluaran dan jualan: 1,142.6 ribu tan metrik) dan keluasan bertanam sebanyak 64.7 ribu hektar. Buah-buahan menduduki tempat kedua di Mersing dengan menyumbang RM15.72 juta nilai jualan (kuantiti pengeluaran 4.2 ribu tan metrik, kuantiti jualan: 3.1 ribu tan metrik) dan 462.6 hektar daripada keseluruhan kawasan tanaman di Mersing. Manakala tanaman seperti getah masih wujud, namun dalam skala kecil dengan keluasan bertanam 1.3 ribu hektar dan hasil nilai jualan sebanyak RM5.12 juta.

Paparan 83: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Nanas, Mersing, 2023

Nanas

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	129.6
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	4.7
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	4.6
Nilai Jualan (RM Juta)	:	9.78



Selain kelapa sawit, buah-buahan dan getah, daerah Mersing juga merupakan pengeluar nanas. Nanas ditanam di kawasan seluas 129.6 hektar dengan nilai jualan mencecah RM9.78 juta. Nanas di Mersing menghasilkan 4.7 ribu tan metrik dan dipasarkan mencapai jumlah 4.6 ribu tan metrik.

Paparan 84: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran, Padi dan Tanaman Lain, Mersing, 2023

Sayur-sayuran

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	153.6
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	1.8
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	1.6
Nilai Jualan (RM Juta)	:	10.12



Padi

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	529.2
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	1.5
Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	:	498.4
Nilai Jualan (RM Juta)	:	0.67



Tanaman Lain

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	85.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	1.1
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	1.0
Nilai Jualan (RM Juta)	:	4.33



Di daerah Mersing, terdapat sebanyak 768.5 hektar tanah digunakan untuk tanaman sayur-sayuran, padi dan tanaman lain. Keluasan bertanam sayur-sayuran di kawasan seluas 153.6 hektar dengan nilai jualan tertinggi sebanyak RM10.12 juta di Mersing. Padi di Mersing merekodkan keluasan bertanam sebanyak 529.2 hektar

dengan nilai jualan RM675.4 ribu. Selain itu, tanaman lain yang merangkumi pelbagai jenis tanaman mencatatkan keluasan bertanam 85.7 hektar dan nilai jualan sebanyak RM4.33 juta.

Paparan 85: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Mersing, 2023

	 Kilogram (‘000)	 Biji (‘000)	 Ekor (‘000)
Kuantiti Pengeluaran	2.0	60.4	4,012.8
Kuantiti Jualan	1.8	53.5	1,901.1
Nilai Jualan (RM Juta)	46.13		

Subsektor ternakan di Mersing memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri Johor bagi tahun 2023. Hasil daripada Banci Pertanian 2024, daerah ini menunjukkan jumlah pengusaha yang signifikan serta angka pengeluaran dan nilai jualan yang tinggi dalam pelbagai kategori ternakan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Mersing adalah sebanyak 4.0 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 1.9 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 60.4 ribu biji telur dan 2.0 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 53.5 ribu biji telur dan 1.8 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Nilai jualan keseluruhan bagi industri ternakan di Mersing adalah RM46.13 juta.

Paparan 86: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Mersing, 2023

	 Tan Metrik ('000)
Kuantiti Pengeluaran	6.6
Kuantiti Jualan	6.6
Nilai Jualan (RM Juta)	147.76

Subsektor perikanan di daerah Mersing, memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan, dengan sumbangan daripada kedua-dua subsektor akuakultur dan perikanan tangkapan. Subsektor perikanan tangkapan di Mersing mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan yang sama iaitu 6.6 ribu tan metrik. Subsektor perikanan ini merekodkan nilai jualan sebanyak RM147.76 juta.

Paparan 87: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Mersing, 2023

	 Tan Metrik ('000)	 Ekor ('000)
Kuantiti Pengeluaran	1.6	21.6
Kuantiti Jualan	1.4	21.1
Nilai Jualan (RM Juta)	44.58	

Subsektor akuakultur di daerah Mersing meliputi air payau/air tawar dan ikan hiasan, baka & benih. Kuantiti pengeluaran hasil bagi air payau/ air tawar mencecah 1.6 ribu tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 1.4 ribu tan metrik. Bagi ikan hiasan, baka & benih, kuantiti pengeluaran mencatatkan 21.6 ribu ekor, manakala kuantiti jualan mencatatkan 21.1 ribu ekor. Keseluruhannya, subsector akuakultur Mersing mencatatkan nilai jualan sebanyak RM44.58 juta.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



MUAR


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

17.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH MUAR

17.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Menurut hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa daerah Muar mempunyai 16,244 pegangan pertanian pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, seramai 15,801 orang (97.3%) adalah pegangan pertanian individu, manakala 443 orang (2.7%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 88: Pegangan Pertanian, Muar, 2023



17.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Pada tahun 2023, subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Muar dengan penglibatan seramai 16,224 pengusaha yang menjadi penyumbang ketiga terbesar di peringkat negeri Johor yang melibatkan keluasan tanaman mencecah 70.4 ribu hektar. Daerah ini mencatatkan kuantiti pengeluaran dan jualan masing-masing sebanyak 1.2 juta tan metrik dan 1.1 juta tan metrik serta nilai jualan mencapai RM2.29 bilion. Sektor pertanian menunjukkan keupayaan besar untuk terus dimajukan seterusnya menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan penduduk luar bandar serta menyumbang kepada keterjaminan bekalan makanan negara.

Subsektor tanaman di Daerah Muar mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan jumlah pengeluaran dan nilai jualan yang tinggi. Seramai 14,214 pengusaha terlibat, menjadikan Muar sebagai daerah keempat tertinggi di Johor dari segi bilangan pengusaha tanaman. Aktiviti pertanian ini meliputi kawasan seluas 103.0 ribu hektar dan menghasilkan nilai jualan melebihi RM2.78 bilion. Pertumbuhan pesat sektor ini menjadikannya penyumbang utama kepada ekonomi pertanian negeri Johor.

Paparan 89: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Kelapa Sawit, Muar, 2023

Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	49.4
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	978.2
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	978.2
Nilai Jualan (RM Juta)	:	877.36



Kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar dalam subsektor tanaman di daerah Muar, dengan nilai jualan mencapai RM877.36 juta. Pengeluaran dan jualan tanaman ini berjumlah 978.2 ribu tan metrik, yang diusahakan oleh seramai 5,861 pengusaha. Aktiviti ini melibatkan kawasan penanaman seluas 49.4 ribu hektar dan ia merupakan tanaman terbesar dari segi keluasan penanaman yang meliputi 70.1 peratus aktiviti tanaman di daerah Muar.

Paparan 90: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Buah-buahan, Muar, 2023

Buah-buahan

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	3.4
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	59.3
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	38.9
Nilai Jualan (RM Juta)	:	840.14



Buah-buahan merupakan tanaman paling dominan di Muar, menyumbang nilai jualan berjumlah RM840.14 juta. Dengan pengeluaran sebanyak 59.3 ribu tan metrik dan jualan sebanyak 38.9 ribu tan metrik, tanaman ini ditanam di kawasan seluas 3.4 ribu hektar. Data terkini ini menunjukkan kepesatan aktiviti tanaman buah-buahan yang digerakkan oleh seramai 3,724 orang pengusaha dalam menyokong ekonomi pertanian daerah ini.

Paparan 91: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Nanas, Muar, 2023

Nanas

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	951.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	29.4
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	28.8
Nilai Jualan (RM Juta)	:	84.34



Tanaman nanas di daerah Muar mencatatkan pengeluaran keempat terbesar selepas daerah Kluang, Pontian, dan Batu Pahat. Nanas ditanam di kawasan seluas 951.1 hektar oleh seramai 758 pengusaha menunjukkan potensi yang besar serta kepentingan tanaman ini dalam sektor pertanian daerah Muar. Pengeluaran nanas direkodkan sebanyak 29.4 ribu tan metrik dan jumlah pemasaran mencapai 28.8 ribu tan metrik serta nilai keseluruhan jualan mencecah RM84.34 juta. Pencapaian ini menandakan sumbangan yang semakin signifikan tanaman nanas terhadap ekonomi tempatan serta pendapatan petani di daerah Muar.

Paparan 92: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran, Muar, 2023

Sayur-sayuran

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	1.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	24.1
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	23.7
Nilai Jualan (RM Juta)	:	153.94



Muar merupakan pengeluar keenam terbesar sayur-sayuran di Johor melibatkan 167 pengusaha dengan kawasan penanaman seluas 1.1 ribu hektar. Aktiviti tanaman sayur-sayuran di daerah ini mencatatkan nilai jualan sebanyak RM153.94 juta, hasil pengeluaran sebanyak 24.1 ribu tan metrik dan jumlah pemasaran sebanyak 23.7 ribu tan metrik.

Paparan 93: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Padi dan Tanaman Lain, Muar, 2023

Padi

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	990.8
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	2.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	1.0
Nilai Jualan (RM Juta)	:	1.58



Tanaman Lain

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	42.3
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	437.0
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	428.5
Nilai Jualan (RM Juta)	:	262.71



Dengan kawasan penanaman seluas 990.8 hektar yang diusahakan oleh 167 pengusaha pada tahun 2023 daerah Muar muncul sebagai pengeluar padi kedua terbesar di Johor. Aktiviti ini telah menyumbang nilai jualan sekitar RM1.58 juta, hasil daripada pengeluaran 2.9 ribu tan metrik atau 32.1 peratus pengeluaran padi negeri Johor. Daripada jumlah itu, 1.0 ribu tan metrik berjaya dipasarkan, mencerminkan potensi besar sektor agro di daerah ini.

Aktiviti tanaman lain pula melibatkan kawasan penanaman seluas 42.3 ribu hektar yang diusahakan oleh 731 pengusaha pada tahun 2023. Aktiviti ini direkodkan sebagai penyumbang kedua tertinggi di mana hasil pengeluarannya mencecah 437.0 ribu tan metrik atau 28.7 peratus daripada pengeluaran tanaman lain keseluruhan negeri Johor serta menyumbang nilai jualan sekitar RM262.71 juta. Daripada jumlah itu, 428.5 ribu tan metrik berjaya dipasarkan. Sementara itu, tanaman seperti getah, koko dan lada masih diusahakan di daerah ini, namun dalam skala sederhana yang lebih sesuai untuk pengusaha kecil atau kegunaan domestik.

Paparan 94: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Muar, 2023

	 Kilogram (‘000)	 Biji (‘000)	 Ekor (Juta)	 Liter (‘000)
Kuantiti Pengeluaran	4.0	264.4	26,638.8	331.9
Kuantiti Jualan	3.9	260.1	24,400.1	171.7
Nilai Jualan (RM Juta)	455.61			

Secara keseluruhan, pada tahun 2023, pegangan pertanian sektor ternakan di Muar pada tahun 2023 yang direkodkan adalah melibatkan 562 pengusaha yang menduduki tangga kedua tertinggi di Johor. Daripada jumlah ini, hanya 497 (88.4%) adalah pegangan pertanian individu manakala baki 65 (11.6%) adalah pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Muar adalah sebanyak 26,638.8 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 24,400.1 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 264.4 ribu biji telur, 331.9 ribu liter susu segar dan 4.0 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain.

Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 260.1 ribu biji telur, 171.7 ribu liter susu segar dan 3.9 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Nilai jualan keseluruhan sektor ternakan di Muar mencapai RM455.61 juta atau 13.6 peratus bagi keseluruhan nilai jualan ternakan negeri di mana daerah ini direkodkan sebagai pengeluar kelima tertinggi di Johor.

Paparan 95: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Muar, 2023

	 Tan Metrik (‘000)
Kuantiti Pengeluaran	4.9
Kuantiti Jualan	4.9
Nilai Jualan (RM Juta)	62.72

Pegangan pertanian aktif dalam subsektor Perikanan tangkapan di Muar keseluruhannya hanya melibatkan pegangan pertanian individu seramai 834 orang pengusaha dan majoritinya didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 411 orang pengusaha atau 49.3 peratus manakala mereka yang berumur 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 307 orang atau 36.8 peratus. Secara keseluruhan, majoriti penyumbang kepada subsektor ini terdiri daripada kumpulan umur 31 hingga 59 tahun. Subsektor tangkapan perikanan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM67.72 juta dengan kuantiti pengeluaran dan pemasaran sebanyak 4.9 ribu tan metrik.

Paparan 96: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Muar, 2023

	 Tan Metrik	 Ekor (Juta)
Kuantiti Pengeluaran	438.2	2.9
Kuantiti Jualan	430.8	2.9
Nilai Jualan (RM Juta)	5.39	

Secara keseluruhannya, 37 pegangan pertanian subsektor akuakultur yang aktif di Muar yang merangkumi 21 pegangan pertanian individu dan 16 pegangan pertanian pertubuhan. Subsektor ini didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 9 orang pengusaha atau 42.9 peratus manakala mereka yang berumur 31 hingga 45 tahun pula menyumbang seramai 8 orang atau 38.1 peratus. Secara keseluruhan, majoriti penyumbang kepada aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 31 hingga 59 tahun.

Subsektor akuakultur daerah Muar mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5.39 juta, hasil pengeluaran sebanyak 438.2 tan metrik dan jumlah pemasaran sebanyak 430.8 tan metrik. Sementara itu, hasil pengeluaran bagi ikan hiasan dan baka & benih dan pengeluaran yang dipasarkan sebanyak 2.9 juta ekor. Pencapaian ini menunjukkan sumbangan yang penting subsektor akuakultur dalam menyokong ekonomi pertanian di Muar serta potensi pertumbuhan yang berterusan.

**Paparan 97: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan,
Muar, 2023**

 Kubik Meter (‘000)	
Kuantiti Pengeluaran	31.2
Kuantiti Jualan	31.2
Nilai Jualan (RM Juta)	3.21

Pada tahun 2023, subsektor perhutanan & pembalakan pula merekodkan 5 pegangan pertanian aktif. Aktiviti ini mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.21 juta dengan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan sebanyak 31.2 ribu kubik meter.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PONTIAN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

18.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH PONTIAN

18.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 9,063 orang direkodkan pada tahun 2023 di Daerah Pontian. Daripada jumlah ini, 8,858 (97.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 205 (2.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 98: Pegangan Pertanian, Pontian, 2023



18.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di Daerah Pontian melibatkan keluasan tanaman mencecah 28.2 ribu hektar dan subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.92 billion. Subsektor ini menunjukkan keupayaan besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi luar bandar, menjana pendapatan, dan menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

**Paparan 99: Parameter Utama Subsektor Tanaman:
Kelapa Sawit dan Tanaman Lain, Pontian, 2023**

Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	17.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	317.6
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	317.6
Nilai Jualan (RM Juta)	:	281.54



Tanaman Lain

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	5.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	194.7
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	185.7
Nilai Jualan (RM Juta)	:	315.61



Kelapa sawit merupakan tanaman paling dominan di Pontian dengan melibatkan keluasan sebanyak 17.7 ribu hektar dan kuantiti pengeluaran sebanyak 317.6 ribu tan metrik. Berdasarkan data Banci Pertanian 2024, nilai jualan tanaman kelapa sawit adalah sebanyak RM281.54 juta. Bagi tanaman lain pula merupakan tanaman kedua tertinggi di Pontian dengan mencatatkan 5.1 ribu hektar dan kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 194.7 ribu tan metrik. Di daerah Pontian, tanaman lain menyumbang nilai jualan tertinggi sebanyak RM315.61 juta.

Manakala tanaman seperti getah, koko dan lada masih wujud namun dalam skala kecil, sesuai bagi pengusaha kecil atau kegunaan domestik di daerah ini.

Paparan 100: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Nanas, Pontian, 2023

Nanas

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	1.8
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	61.0
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	59.5
Nilai Jualan (RM Juta)	:	169.61



Selain kelapa sawit, tanaman nanas di Pontian merupakan kedua tertinggi selepas Kluang iaitu seluas 1.8 ribu hektar. Keluasan tanaman nanas di Pontian menunjukkan tanaman ini berpotensi besar dalam pengeluaran nanas dan menunjukkan tanaman yang signifikan di daerah ini. Nanas di Pontian menghasilkan 60,953.39 tan metrik. Tanaman nanas mencatatkan nilai jualan sebanyak RM169.61 juta. Ini menandakan sumbangan penting nanas kepada ekonomi lokal dan pendapatan petani tempatan.

Paparan 101: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Buah-buahan dan Sayur-sayuran, Pontian, 2023

Buah-Buahan

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	3.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	42.7
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	23.8
Nilai Jualan (RM Juta)	:	243.30



Sayur-Sayuran

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	360.0
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	7.7
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	7.5
Nilai Jualan (RM Juta)	:	38.72



Di daerah Pontian, buah-buahan merupakan tanaman yang mempunyai keluasan ketiga tertinggi selepas tanaman lain iaitu sebanyak 3.1 ribu hektar. Tanaman buah-buahan mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 42.6 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM243.30 juta.

Manakala tanaman sayur-sayuran meliputi keluasan yang agak kecil berbanding aktiviti tanaman tidak kekal lain iaitu sebanyak 360.0 hektar dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 7.6 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM38.72 juta.

Paparan 102: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Pontian, 2023

		 Kilogram (‘000)	 Biji (‘000)	 Ekor (‘000)	 Liter (‘000)
Kuantiti Pengeluaran	➤	2.0	43,267.2	43,277.8	33.5
Kuantiti Jualan	➤	1.7	43,170.1	41,991.2	33.5
Nilai Jualan (RM Juta)	➤	679.20			

Sektor ternakan di Pontian menunjukkan antara penyumbang tertinggi dan memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri Johor bagi tahun 2023. Daerah ini menunjukkan kuantiti jualan dan nilai jualan yang tinggi dalam pelbagai kategori ternakan.


Pada tahun 2023, subsektor ternakan di Pontian menghasilkan pelbagai jenis hasil ternakan dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM679.20 juta. Berdasarkan kuantiti jualan hasil ternakan di Pontian menunjukkan pengeluaran telur seperti ayam/itik/ puyuh merupakan penyumbang tertinggi iaitu sebanyak 43.2 juta biji telur. Ini diikuti oleh jumlah kuantiti jualan unggas dan ruminan yang mencatatkan sebanyak 42.0 juta ekor, 33.5 ribu liter susu dan 1.7 ribu kilogram hasil ternakan lain.

Paparan 103: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Pontian, 2023



Subsektor perikanan di daerah Pontian, memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan, dengan sumbangan daripada kedua-dua subsektor akuakultur dan perikanan tangkapan. Subsektor perikanan tangkapan di Pontian mencatatkan jumlah pengeluaran dan kuantiti jualan yang sama iaitu 4.7 ribu tan metrik. Subsektor perikanan ini merekodkan nilai jualan sebanyak RM89.23 juta.

Paparan 104: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Pontian, 2023



Subsektor akuakultur di Pontian meliputi air payau/air tawar dan ikan hiasan, baka & benih. Kuantiti pengeluaran hasil bagi air payau/ air tawar mencecah 3.6 ribu tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 3.4 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh pengeluaran ikan hiasan, baka & benih, mencatatkan 12.50 juta ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 12.49 ekor. Keseluruhannya, aktiviti akuakultur Pontian mencatatkan nilai jualan RM105.40 juta.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SEGAMAT


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

19.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH SEGAMAT

19.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 17,982 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di daerah Segamat. Daripada jumlah ini, 17,643 (98.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 339 (1.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 103: Pegangan Pertanian, Segamat, 2023



19.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Segamat dengan keluasan tanaman mencecah 133.6 ribu hektar dan keluasan bertuai mencecah 122.9 ribu hektar. Selain itu, kuantiti pengeluaran dan jualan masing-masing mencatatkan sebanyak 2.2 juta tan metrik dan 2.2 juta tan metrik dengan nilai jualan adalah RM2.9 bilion. Subsektor ini menunjukkan keupayaan besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi luar bandar, menjana pendapatan dan menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

Paparan 104: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Kelapa Sawit dan Buah-Buahan, Segamat, 2023

Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	104.3
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	2,129.3
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	2,129.3
Nilai Jualan (RM Juta)	:	1,937.24



Buah - buahan

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	10.2
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	50.2
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	45.9
Nilai Jualan (RM Juta)	:	699.70



Kelapa sawit merupakan tanaman paling dominan di Segamat. Nilai jualan bagi kelapa sawit adalah RM1,937.24 juta dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 2.1 juta tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak 2.1 juta tan metrik. Luas bertanam bagi kelapa sawit pula adalah 104.3 ribu hektar daripada keseluruhan kawasan tanaman di Segamat. Buah-buahan menduduki tempat kedua dengan sumbangan nilai jualan adalah RM699.70 juta dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 50.2 ribu tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak 45.9 ribu tan metrik. Luas bertanam bagi buah-buahan adalah 10.2 ribu hektar.

Paparan 105: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Getah, Segamat, 2023

Getah

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	16.9
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	12.0
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	12.0
Nilai Jualan (RM Juta)	:	90.54



Daerah Segamat merupakan daerah yang tertinggi bilangan pengusaha getah di Johor iaitu 9,546 pengusaha. Getah ditanam di kawasan seluas 16.9 ribu hektar. Kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan getah di Segamat adalah 12.0 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM90.54 juta.

Paparan 106: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Segamat, 2023

	 Kilogram ('000)	 Biji ('000)	 Ekor ('000)	 Liter ('000)
Kuantiti Pengeluaran	3,983.0	513,529.5	31,763	10.5
Kuantiti Jualan	2,899.0	443,396.7	26,401	10.4
Nilai Jualan (RM juta)	707.15			

Subsektor ternakan di Segamat memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri Johor bagi tahun 2023. Hasil daripada Banci Pertanian 2024, daerah ini menunjukkan jumlah pengusaha yang signifikan serta angka pengeluaran dan nilai jualan yang tinggi dalam pelbagai kategori ternakan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Segamat adalah sebanyak 31.8 juta ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 26.4 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 513.5 juta biji telur, 10.5 ribu liter susu segar dan 3,983.0 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 443.4 juta biji telur, 10.4 ribu liter susu segar dan 2,899.0 kilogram hasilan ternakan lain. Nilai jualan keseluruhan bagi industri ternakan di Segamat adalah RM707.15 juta.

Paparan 107: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Segamat, 2023

	 Tan Metrik ('000)
Kuantiti Pengeluaran	674.2
Kuantiti Jualan	674.2
Nilai Jualan (RM juta)	11.98

Industri perikanan di Segamat, memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan, dengan sumbangan daripada kedua-dua sektor akuakultur dan perikanan tangkapan. Subsektor perikanan tangkapan di Segamat mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan yang sama iaitu 674.2 ribu tan metrik. Subsektor perikanan tangkapan ini merekodkan nilai jualan sebanyak RM11.98 juta.

Paparan 108: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Segamat, 2023


	 Tan Metrik ('000)	 Ekor ('000)
Kuantiti Pengeluaran	137.6	184.0
Kuantiti Jualan	135.4	169.0
Nilai Jualan (RM juta)	1.86	

Subsektor akuakultur di Segamat meliputi air payau/ air tawar dan ikan hiasan, baka & benih. Kuantiti pengeluaran bagi akuakultur air payau /air tawar mencecah 137.6 ribu tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 135.4 ribu tan metrik. Keseluruhannya, subsektor akuakultur Segamat mencatatkan nilai jualan RM1.86 juta.

Paparan 109: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Segamat, 2023

	 Kubik Meter ('000)
Kuantiti Pengeluaran	10.6
Kuantiti Jualan	10.6
Nilai Jualan (RM juta)	20.49

Perhutanan dan pembalakan di daerah Segamat menunjukkan daya saing yang aktif kepada ekonomi negeri dengan catatan kuantiti pengeluaran sebanyak 10.6 ribu kubik meter dan kuantiti jualan menunjukkan jumlah yang sama. Dari segi nilai jualan, hasil hutan dan pembalakan di Segamat telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM20.49 juta.



KULAI


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

20.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH KULAI

20.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 6,860 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di daerah Kulai. Daripada jumlah ini, 6,638 (96.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 222 (3.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 112: Pegangan Pertanian, Kulai, 2023



20.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Kulai dengan keluasan tanaman mencecah 16.2 ribu hektar dan telah mencatatkan nilai jualan melebihi RM644.38 juta. Subsektor ini menunjukkan keupayaan besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi, menjana pendapatan, dan menyumbang kepada keterjaminan makanan negara.

Paparan 113: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran dan Kelapa Sawit, Kulai, 2023

Sayur-sayuran

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	: 4.3
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	: 54.5
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	: 51.6
Nilai Jualan (RM Juta)	: 367.80



Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	: 10.3
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	: 193.2
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	: 193.2
Nilai Jualan (RM Juta)	: 172.37



Sayur-sayuran merupakan tanaman paling dominan di Kulai. Nilai jualan sayur-sayuran menyumbang lebih RM367.80 juta dengan keluasan bertanam 4.3 ribu hektar. Manakala kelapa sawit menduduki tempat kedua dengan sumbangan nilai jualan melebihi RM172.37 juta dan keluasan bertanam sebanyak 10.3 ribu hektar. Bagi tanaman seperti getah, koko dan lada masih wujud namun dalam skala kecil, sesuai bagi pengusaha kecil atau kegunaan domestik di daerah ini.

Paparan 114: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Nanas, Kulai, 2023

Nanas

Keluasan Tanaman (Hektar)	: 65.3
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	: 2.1
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	: 2.0
Nilai Jualan (RM Juta)	: 6.03



Nanas ditanam di kawasan seluas 65.3 hektar. Nanas di Kulai menghasilkan nilai jualan RM6.03 juta dan merupakan penyumbang nilai jualan keempat tertinggi di daerah ini.

Paparan 115: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Tanaman Lain dan Buah-buahan, Kulai, 2023

Tanaman Lain

Keluasan Tanaman (Hektar)	: 893.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	: 22.3
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	: 22.0
Nilai Jualan (RM Juta)	: 59.45



Buah-buahan

Keluasan Tanaman (Hektar)	: 445.4
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	: 6.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	: 6.0
Nilai Jualan (RM Juta)	: 37.23



Di daerah Kulai, sebanyak 1.3 ribu hektar keluasan bertanam tanah digunakan dalam tanaman lain dan tanaman buah-buahan. Tanaman lain yang merangkumi pelbagai jenis tanaman berada di tangga ketiga keluasan bertanam paling luas di daerah Kulai iaitu sebanyak 893.1 hektar dengan nilai jualan sebanyak RM59.45 juta. Selain itu, tanaman buah-buahan mencatatkan keluasan 445.4 hektar dan nilai jualan sebanyak RM37.23 juta.

Paparan 116: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Kulai, 2023

	 Kilogram ('000)	 Biji ('000)	 Ekor ('000)	 Liter ('000)
Kuantiti Pengeluaran	32.7	64,056.8	5,519.9	16.1
Kuantiti Jualan	1.3	62,821.0	3,878.9	15.4
Nilai Jualan (RM juta)	66.0			

Subsektor ternakan merupakan salah satu cabang penting dalam industri pertanian yang berperanan besar dalam menjamin keterjaminan makanan negara, khususnya dalam penyediaan sumber protein haiwan yang berkualiti. Hasil daripada Banci Pertanian 2024, dari segi pengeluaran, kuantiti pengeluaran bagi perternakan ruminan (lembu/ kambing/ bebiri/ kerbau) dan unggas (ayam/ itik) adalah sebanyak 5.5 juta ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 3.9 juta ekor.

Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 64.1 juta biji telur, 16.1 ribu liter susu segar dan 32.7 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Nilai jualan keseluruhan bagi industri ternakan di Kulai adalah RM66.0 juta.

Paparan 117: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Kulai, 2023

	 Tan Metrik	 Ekor ('000)
Kuantiti Pengeluaran	851.9	71,938.1
Kuantiti Jualan	821.6	69,606.5
Nilai Jualan RM Juta	23.9	

Subsektor akuakultur di Kulai meliputi air payau/ air tawar dan ikan hiasan, baka & benih. Kuantiti pengeluaran hasil bagi air payau/ air tawar mencecah 851.9 tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 821.6 tan metrik. Bagi ikan hiasan, baka & benih, kuantiti pengeluaran mencatatkan 71.9 juta ekor dengan jumlah kuantiti jualan mencatat sebanyak 69.6 juta ekor. Nilai jualan keseluruhan bagi industri akuakultur di Kulai adalah sebanyak RM23.9 juta.



TANGKAK


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

21.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, DAERAH TANGKAK

21.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 9,723 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di daerah Tangkak. Daripada jumlah ini, 9,486 (97.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 237 (2.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 118: Pegangan Pertanian, Tangkak, 2023



21.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

Banci Pertanian 2024 mencatatkan subsektor tanaman antara penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Tangkak dengan jumlah pegangan pertanian sebanyak 9,384 pengusaha di mana 9,183 (97.9%) merupakan pegangan pertanian bagi individu dan selebihnya adalah pegangan pertanian pertubuhan iaitu sebanyak 201 (2.1%). Keluasan tanaman mencecah 28.2 ribu hektar dan keluasan bertuai sebanyak 26.4 ribu hektar serta nilai jualan mencecah RM1.53 bilion. Subsektor ini menunjukkan keupayaan besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi luar bandar, menjana pendapatan, dan menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

**Paparan 119: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Buah-buahan
dan Kelapa Sawit, Tangkak, 2023**

Buah-buahan

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	6.1
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	118.5
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	73.1
Nilai Jualan (RM Juta)	:	1,090.36



Kelapa Sawit

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	14.0
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	254.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	254.9
Nilai Jualan (RM Juta)	:	225.06



Buah-buahan merupakan tanaman paling dominan di mana buah-buahan menyumbang RM1.09 bilion bagi nilai jualan (kuantiti pengeluaran: 118.5 ribu tan metrik, kuantiti jualan: 73.1 ribu tan metrik) dan 6.1 ribu hektar daripada keseluruhan kawasan tanaman di Tangkak dengan penglibatan dengan 1,502 pegangan pertanian di mana 1,413 (94.1%) merupakan pegangan pertanian individu dan 89 (5.9%) pegangan pertanian pertubuhan. Kelapa sawit menduduki tempat kedua dengan sumbangan nilai jualan sebanyak RM225.06 juta dan keluasan bertanam sebanyak 14.0 ribu hektar dengan penglibatan sebanyak 4,237 pengusaha di mana 4,181 (98.7%) merupakan pegangan pertanian individu dan 56 (1.3%) pegangan pertanian pertubuhan. Manakala tanaman seperti koko dan lada masih wujud namun dalam skala kecil, sesuai bagi pengusaha kecil atau kegunaan domestik di daerah ini.

**Paparan 120: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Sayur-sayuran,
Tanaman Lain dan Getah, Tangkak, 2023**

Sayur-sayuran

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	1.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	24.0
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	23.1
Nilai Jualan (RM Juta)	:	135.93



Tanaman Lain

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	1.5
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	10.4
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	10.3
Nilai Jualan (RM Juta)	:	38.72



Getah

Keluasan Tanaman ('000 Hektar)	:	3.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	2.7
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	2.7
Nilai Jualan (RM Juta)	:	19.91



Di daerah Tangkak, terdapat 3,181 pengusaha yang terlibat dengan keluasan bertanam sebanyak 6.9 ribu hektar tanah digunakan dalam tanaman sayur-sayuran, tanaman lain dan getah. Sayur-sayuran memperoleh nilai jualan sebanyak RM135.93 juta di Tangkak dengan keluasan bertanam 1.7 ribu hektar. Seterusnya, tanaman lain yang merangkumi pelbagai jenis tanaman mencatatkan keluasan 1.5 ribu hektar dan nilai jualan sebanyak RM38.72 juta.

Paparan 121: Parameter Utama Subsektor Tanaman: Padi, Tangkak, 2023

Padi

Keluasan Tanaman (Hektar)	:	987.8
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	:	3.9
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	:	1.7
Nilai Jualan (RM Juta)	:	2.25



Tanaman padi di daerah Tangkak menyumbangkan penglibatan jumlah pengusaha tertinggi di negeri Johor iaitu seramai 539 pengusaha dengan keluasan bertanam seluas 987.8 hektar dan keluasan tuaian sebanyak 847.5 hektar.

Kuantiti pengeluaran yang direkodkan sebanyak 3.9 ribu tan metrik yang mana sebanyak 1.7 ribu tan metrik direkodkan untuk jualan dengan nilai jualan RM2.25 juta.

Paparan 122: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Ternakan, Tangkak, 2023


	 Kilogram ('000)	 Biji ('000)	 Ekor ('000)
Kuantiti Pengeluaran	3.9	247,253.9	15,020.7
Kuantiti Jualan	3.8	246,809.8	12,857.1
Nilai Jualan (RM juta)	330.18		

Subsektor ternakan di daerah Tangkak turut menyumbang dalam ekonomi negeri Johor bagi tahun 2023 di mana industri ini merupakan subsektor kedua tertinggi bagi sumbangan nilai jualan di daerah Tangkak selepas subsektor tanaman. Hasil daripada Banci Pertanian 2024, daerah ini menunjukkan jumlah pengusaha sebanyak 317 pegangan pertanian.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di daerah Tangkak adalah sebanyak 15.0 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 12.9 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 247.2 juta biji telur dan 3.9 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan


mencatatkan 246.8 juta biji telur dan 3.8 ribu kilogram hasil ternakan lain. Nilai jualan keseluruhan bagi industri ternakan di daerah Tangkak adalah RM330.18 juta.

Paparan 123: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Tangkak, 2023



Subsektor perikanan tangkapan dan subsektor akuakultur di daerah Tangkak turut menyumbang kepada ekonomi tempatan. Subsektor perikanan tangkapan di daerah Tangkak mencatatkan nilai jualan sebanyak RM8.80 juta dengan jumlah pengeluaran dan jualan yang sama iaitu 1.3 ribu tan metrik di mana sebanyak 335.7 metrik tan disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dan 910.0 metrik tan pegangan pertanian individu.


Paparan 124: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Akuakultur, Tangkak, 2023



Subsektor akuakultur di daerah Tangkak di daerah Tangkak merekodkan nilai jualan sebanyak RM4.19 juta. Subsektor ini meliputi air payau/air tawar dan ikan hiasan, baka & benih.


Kuantiti pengeluaran hasil bagi air payau/air tawar mencecah 407.7 tan metrik, dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 399.0 tan metrik. Bagi ikan hiasan, baka & benih, kuantiti pengeluaran mencatatkan 1.4 juta ekor dan kuantiti jualan 1.1 juta ekor. Secara keseluruhannya, penglibatan pengusaha direkodkan adalah sebanyak 30 pengusaha di mana 19 (63.3%) merupakan pegangan pertanian individu dan 11 (36.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 125: Rumusan Penemuan Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Tangkak, 2023



Hasil hutan merupakan penyumbang utama kepada subsektor perhutanan dan pembalakan di daerah Tangkak. Hasil hutan daerah Tangkak mencatatkan kuantiti pengeluaran dan jualan sebanyak 756.6 kubik meter. Dari segi nilai jualan, hasil hutan di Tangkak telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM 1.10 juta.

RENCANA



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

**MEMPERKASA JOHOR SEBAGAI
PENERAJU SEKURITI AGROMAKANAN NEGARA DAN SERANTAU**

Bahagian Pengesanan dan Penilaian
Jabatan Pertanian Negeri Johor

ABSTRAK

Kerajaan Negeri berhasrat memperkasakan lagi potensi Johor bukan sahaja sebagai 'bakul makanan' negara, malah dapat menjadi pembekal hasil tanaman agromakanan ke negara serantau dan antarabangsa. Hasrat ini seiring dengan pembangunan industri agromakanan sebagai industri yang mampan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa, seterusnya meningkatkan lagi tahap sosioekonomi para pengusaha sektor pertanian.

Bagi sektor agromakanan khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan, Kerajaan Negeri mensasarkan peningkatan pengeluaran 6 jenis sayur-sayuran fokus iaitu cili, halia, bendi, kacang panjang, sawi dan timun sebanyak 25.3 peratus (36,670 tan metrik) menjelang tahun 2027. Manakala bagi buah-buahan, Kerajaan Negeri mensasarkan peningkatan pengeluaran 7 jenis buah-buahan fokus iaitu betik, durian, nanas, nangka, pisang, tembikai dan kelapa sebanyak 8.96% peratus (75,329 tan metrik) menjelang tahun 2027.

Bagi mencapai sasaran, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Pertanian menyediakan insentif bagi membantu petani melaksanakan aktiviti tanaman berkenaan yang menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti hasil tanaman. Usaha meningkatkan komoditi buah-buahan dan sayur-sayuran itu menjadi salah satu *Key Performance Index* (KPI) dalam Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor. Keyakinan itu susulan prestasi pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan pada tahun 2024.

Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Pertanian menyediakan insentif bagi membantu para pengusaha meningkatkan aktiviti dan hasil tanaman mereka. Insentif yang diberikan meliputi pembangunan ladang seperti penyediaan kawasan, infrastruktur asas, benih dan input, teknologi, sistem pengairan, peralatan, mekanisasi dan jentera, pusat pengumpulan hasil ladang dan lain-lain insentif yang boleh menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti hasil tanaman.

Pada tahun 2024, negeri Johor muncul sebagai pengeluar utama sayur-sayuran negara. Johor mencatatkan pengeluaran sayur-sayuran kedua tertinggi negara iaitu sebanyak 243,384 mt. Pengeluar sayur-sayuran tertinggi adalah Pahang (599,733 mt) dan pengeluar ketiga adalah Kelantan (183,899 mt). Daerah yang paling banyak mengeluarkan sayur-sayuran pada tahun 2024 adalah Kota Tinggi (53,247 mt), diikuti Johor Bahru (47,627 mt) dan Tangkak (39,967 mt). Jumlah keluasan dan pengeluaran sayur-sayuran bagi daerah-daerah di Johor bagi tempoh 2022-2024 adalah seperti yang tercatat di Jadual 1.

Tahun	2022		2023		2024	
Daerah	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)
Batu Pahat	20,248	2,080	24,110	1,714	23,533	1,747
Johor Bahru	61,010	4,064	54,009	3,360	47,627	3,251
Kluang	21,372	1,850	26,431	1,804	26,520	1,633
Kota Tinggi	57,131	3,375	52,084	2,722	53,247	2,782
Kulai	26,068	1,997	30,496	2,046	32,456	2,137
Mersing	1,710	95	1,680	82	4,705	326
Muar	376	61	533	85	561	90
Pontian	3,464	219	4,735	260	3,861	252
Segamat	14,667	861	12,411	736	10,909	728
Tangkak	39,284	2,587	40,738	3,132	39,967	2,776
Grand Total	245,330	17,188	247,228	15,939	243,384	15,721

Jadual 1: Jumlah pengeluaran dan keluasan tanaman sayur-sayuran di Johor mengikut daerah (Tahun 2022 - 2024)

Sumber: Dashboard Statistik Tanaman Agromakanan 2021-2024 (Jabatan Pertanian)

Tahun	2022		2023		2024	
Sayuran Utama	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)
Bayam	39,382	3,041	40,603	3,209	40,664	3,194
Bendi	21,278	1,498	27,945	1,569	27,442	1,460
Cili	6,633	693	8,919	644	8,622	819
Kacang Panjang	26,707	1,895	26,028	1,680	28,982	1,885
Sawi	55,564	3,649	60,058	3,606	51,239	3,289
Terung	11,950	691	12,217	755	14,296	743
Timun	25,581	1,232	29,029	1,182	28,830	1,184
Tomato	5	0.1	23	2	13	1
Halia	1	2	17	6	21	5
Grand Total	147,719	9,660	164,236	9,444	159,445	9,386

Jadual 2: Jumlah pengeluaran sayur-sayuran utama dan keluasan di Johor mengikut jenis tanaman (Tahun 2022 - 2024)

Sumber: Dashboard Statistik Tanaman Agromakanan 2021-2024 (Jabatan Pertanian)

Pada tahun 2024, negeri Johor muncul sebagai pengeluar utama buah-buahan negara dengan pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 759,795 mt. Pengeluar buah-buahan kedua tertinggi adalah Pahang (262,464 mt) dan pengeluar ketiga adalah Kelantan (216,763 mt). Daerah yang paling banyak mengeluarkan buah-buahan pada tahun 2024 adalah Kluang (201,241 mt), diikuti Batu Pahat (172,694 mt) dan Tangkak (96,320 mt). Jumlah keluasan dan

pengeluaran buah-buahan bagi daerah-daerah di Johor bagi tempoh 2022-2024 adalah seperti yang tercatat di Jadual 3.

Tahun	2022		2023		2024	
Daerah	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)
Batu Pahat	133,557	11,283	201,167	9,066	172,694	9,511
Johor Bahru	15,670	593	15,222	845	17,241	819
Kluang	297,537	8,454	177,384	7,316	201,241	7,435
Kota Tinggi	48,583	2,981	57,719	2,594	45,450	2,744
Kulai	2,800	204	4,450	223	4,766	274
Mersing	7,042	309	8,937	407	6,099	873
Muar	58,297	6,380	59,641	3,795	51,404	3,975
Pontian	67,958	4,578	62,795	5,111	92,011	4,699
Segamat	47,175	8,446	45,830	11,782	72,567	5,803
Tangkak	93,699	6,989	117,396	6,683	96,320	7,103
Grand Total	772,317	50,217	750,541	47,823	759,795	43,236

Jadual 3: Jumlah pengeluaran dan keluasan tanaman buah-buahan di Johor mengikut daerah (Tahun 2022 - 2024)

Sumber: Dashboard Statistik Tanaman Agromakanan 2021-2024 (Jabatan Pertanian)

Tahun	2022		2023		2024	
Sayuran Utama	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)
Nangka	7,680	546	9,592	451	8,933	501
Manggis	5,591	769	4,384	278	3,426	215
Durian	138,946	19,979	218,209	23,694	189,779	19,165
Belimbing	1,565	67	1,618	45	1,775	54
Jambu Batu	15,125	583	25,111	605	29,241	809
Nanas	402,555	11,399	280,878	10,336	347,490	10,558
Betik	33,647	1,295	34,929	949	24,875	987
Pisang	116,342	8,366	129,463	6,976	111,425	6,868
Rambutan	8,125	1,650	6,190	793	7,995	964
Tembikai	13,491	793	16,779	760	13,925	776
Kelapa	124,062	13,270	125,450	11,032	144,245	13,387
Grand Total	867,129	58,717	852,603	55,919	883,109	54,284

Jadual 4: Jumlah pengeluaran buah-buahan utama dan keluasan di Johor mengikut jenis tanaman (Tahun 2022 - 2024)

Sumber: Dashboard Statistik Tanaman Agromakanan 2021-2024 (Jabatan Pertanian)

Negeri Johor mempunyai kelebihan sebagai jiran terdekat Singapura dalam penyediaan suasana dan prasarana mesra pelaburan serta tanah yang khusus untuk pertanian moden. Bidang keterjaminan makanan merupakan salah satu bidang yang boleh diteroka bersama dengan Singapura, dengan sasaran memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara. Isu keselamatan bekalan makanan merupakan antara isu penting di Johor dan kerjasama dengan Singapura dalam penghasilan produk makanan segar tempatan, selain polisi berkenaan kelangsungan bekalan makanan membuktikan negeri Johor mampu menyediakan tapak untuk syarikat-syarikat pelabur dari Singapura seperti Archisen untuk memperluaskan perniagaan mereka.

Johor mempunyai strategi sebagai *Malaysia Food Basket* dan *Food Bank* untuk negara serantau dan antarabangsa manakala Singapura mempunyai strategi pembangunan sekuriti makanan mereka iaitu “*Three Food Baskets - Diversify import sources; Grow local; and Grow overseas*”. Johor juga merupakan pengeksport utama produk pertanian ke Singapura seperti buah-buahan, ayam sayur-sayuran dan sebagainya. Johor dan Singapura telah membentuk Inisiatif Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) melibatkan sektor keterjaminan makanan yang pertamanya untuk melindungi mereka yang terlibat di dalam industri keterjaminan makanan di daerah Johor Bahru, Kulai dan Kota Tinggi di dalam wilayah pembangunan JS-SEZ dan keduanya ialah membuka peluang dan ruang bagi menarik minat pelabur untuk melabur di dalam wilayah ini.

Bidang keterjaminan makanan diyakini akan mendapat sokongan Singapura untuk memanfaatkan Malaysia sebagai pusat utama untuk pengeluaran agromakanan bagi manfaat kedua-dua negara. Jabatan Pertanian Negeri Johor akan terus memainkan peranan penting dalam melahirkan lebih ramai warga petani dalam pelbagai sektor pertanian sekali gus dapat memastikan Johor berada di landasan tepat bagi menjayakan agenda menjadi peneraju sekuriti makanan negara.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

RENCANA 2

JOHOR PENGELUAR UTAMA DURIAN NEGARA

Natasha binti Mahamad Tabor dan Norshida binti Sulaiman
Jabatan Pertanian Negeri Johor

ABSTRAK:

Durian, (*Durio zibethinus Murr.*) ialah sejenis buah-buahan yang popular di kalangan penduduk Malaysia. Secara traditional pokok durian ditanam daripada baka biji benih di Kawasan dusun di kampung. Lazimnya buah durian dari pokok anak baka biji menghasilkan buah yang tidak seragam, tidak pasti kualitinyadan sebahagian besar tidak mendapat pasaran yang baik. Jabatan Pertanian telah mengenalpasti varieti durian klon untuk ditanam secara komersilberdasarkan ciri-ciri mutu buah yang tinggi, berhasi banyak dan sesuai denganagroiklim Malaysia. Durian merupakan salah satu buah-buahan fokus utama daripada 11 jenis buah-buahan yang telah dikenalpsti di bawah Dasar Agro Makanan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi menampung permintaan tempatan dan eksport.

Pada tahun 2024, negeri Johor muncul sebagai pengeluar utama buah durian negara dengan pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 189,779 mt. Ia telah melepasi sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) negeri Johor iaitu 141,862 metrik tan menjelang tahun 2027. Pengeluar durian kedua terbesar adalah Pahang (124,121 mt) diikuti Kelantan (66,800 mt). Daerah yang paling banyak mengeluarkan durian pada tahun 2024 adalah Batu Pahat (56,896 mt), diikuti Tangkak (52,514 mt) dan Segamat (38,026mt). Jumlah keluasan dan pengeluaran durian bagi daerah-daerah di Johor bagi tempoh 2022-2024 adalah seperti yang tercatat di Jadual 1.

Tahun	2022		2023		2024	
Daerah	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)
Batu Pahat	36,777	4,672	60,874	3,936	56,896	4,089
Johor Bahru	1,842	171	1,698	162	1,657	223
Kluang	4,514	880	5,147	957	10,070	1,187
Kota Tinggi	5,945	1,003	18,131	929	7,863	762
Kulai	314	59	425	81	523	91
Mersing	138	29	57	16	274	290
Muar	17,404	3,149	40,260	2,732	16,637	2,745
Pontian	5,401	1,172	11,167	1,186	5,319	903
Segamat	13,540	4,408	11,981	9,322	38,026	4,196
Tangkak	53,070	4,436	68,468	4,373	52,515	4,679
Grand Total	138,946	19,979	218,209	23,694	189,779	19,165

Jadual 1: Jumlah pengeluaran dan keluasan tanaman durian di daerah Johor (Tahun 2022 - 2024)

Sumber: Dashboard Statistik Tanaman Agromakanan 2021-2024 (Jabatan Pertanian)

Perubahan trend pengeluaran tanaman durian didorong oleh beberapa faktor utama, termasuk permintaan pasar yang tinggi, khususnya untuk varieti Musang King, dan ketersediaan tanah yang subur serta iklim yang sesuai untuk pertumbuhan durian. Selain itu, peningkatan kesedaran petani tentang varieti komersil, teknik penanaman yang betul dan penggunaan baja yang sesuai juga memainkan peranan penting. Penurunan keluasan bertanam turut dipengaruhi oleh kejadian bencana banjir dan ribut, serangan haiwan liar yang memusnahkan tanaman, pertukaran tanaman dan pembangunan. Aktiviti pemulihan tanaman durian turut melibatkan penebangan durian kampung atau pun aktiviti cantuman dewasa untuk digantikan dengan durian varieti komersil yang lebih berhasil tinggi bagi masa hadapan namun ianya memerlukan tempoh pemulihan yang panjang untuk melonjakkan hasil semula.

Bagi tujuan komersil, banyak varieti durian klon yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Pertanian Malaysia. Bagi tujuan pasaran, buah matang yang dipetik dari pokok durian akan memanjangkan tempoh hayat penyimpanan buah di dalam pasaran jika dibandingkan dengan buah masak yang telah gugur. Namun keistimewaan durian dari Malaysia adalah durian yang dipasarkan telah sempurna kemasakannya dimana rasa, warna isi dan aromanya menjadi sangat menyerlah menjadikan durian dari Malaysia lebih digemari ramai.

Jadual 2 di bawah menunjukkan varieti durian komersil yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Pertanian Malaysia beserta tempoh kemasakan bagi rujukan pasaran:

Varieti	Tempoh Kemasakan (hari)
D 24	105-115
D 99	90-100
D 123	90-100
D 145	100-115
D 158	105-120
D 159	105-120
D 169	100-110
D 188	100-115
D 189	100-110
D 190	106-115
D197	100-110

Jadual 2: Varieti durian komersil yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Pertanian Malaysia dan tempoh kemasakannya.

Sumber: Pakej Teknologi Tanaman Durian Jabatan Pertanian

Ketika ini Raja Buah itu menembusi China, Taiwan, Korea Selatan, Singapura, Vietnam dan Jepun selain pasaran bukan tradisi Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan 13 negara lain.

Ladang durian di negeri Johor turut sudah mengorak Langkah menggunakan teknologi pertanian pintar seperti sistem Internet Benda atau IoT dalam proses pengairan dan pembajaan bagi meningkatkan kecekapan operasi ladang.

Kerajaan Johor juga sedang bergerak aktif dalam usaha mempelbagaikan produk berasaskan durian di pasaran antaranya ialah durian sejuk beku, isi durian sejuk, kriogenik sejuk, durian segar, sediaan kering serta isi dan pes sejuk beku bagi menambah variasi hasil buah itu yang secara tidak langsung dapat memenuhi permintaan penggemar raja buah itu dari luar negara. Johor mampu memenuhi permintaan tinggi kerana pensijilan Amalan Pertanian Baik yang diperkenalkan membuktikan pihak kerajaan amat prihatin dengan tanaman ini

Sejumlah RM3.14 juta diperuntukkan oleh Kerajaan pada tahun 2023 dan 2024 bagi usaha meningkatkan produktiviti ladang durian yang berkeluasan 853.61 hektar dan melibatkan lebih 390 usahawantani seluruh Negeri Johor. Selain itu, dana sama turut digunakan untuk membekalkan mekanisasi dan peralatan bagi menjamin kualiti durian Johor dapat dikekalkan serta seterusnya menepati kehendak pasaran.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SERLAHKAN KEUNIKAN KOPI LIBERICA *SIGNATURE* JOHOR

Natasha binti Mahamad Tabor
Jabatan Pertanian Negeri Johor

ABSTRAK

Kopi Liberica telah diperkenalkan dan pada awal abad ke-19 walaupun petani di Malaysia mula menanam kopi daripada spesies Robusta. Memandangkan Malaysia mempunyai iklim yang sesuai dan tanah lanar yang subur, sumber semulajadi ini memberi kelebihan kepada negara kita, untuk mengeluarkan hasil kopi, terutamanya dari spesies Liberica yang mempunyai rasa istimewa dan unik.

Kopi Liberica mempunyai beberapa keunikan. Buah dan biji kopi Liberica memiliki segi saiz yang lebih besar berbanding jenis kopi Robusta dan Arabica. Pokok kopi Liberica juga matang dengan lebih pantas, membolehkan penuaian dilakukan lebih awal. Kopi Liberica mempunyai keupayaan tumbuh di tanah rendah dan persekitaran yang lebih lasak. Pengeluaran kopi klon MKL 5, MKL 6 dan MKL 7 misalnya boleh menghasilkan pengeluaran masing-masing sehingga 24.3 t/ha, 25.1 t/ha dan 26.2 t/ha.

Selain itu, pokok Liberica mempunyai ketahanan yang tinggi terhadap penyakit dan serangga perosak. Namun, yang paling memikat para peminat kopi pastinya adalah rasanya yang unik. Kopi Liberica memiliki kepahitan dengan aroma yang tersendiri serta rasa yang kompleks dengan sentuhan buah-buahan, kacang-kacangan (*nutty flavour*), dan aroma kemanisan '*aftertaste*' yang meninggalkan kesan lama di mulut. Selain itu, kandungan kafein kopi Liberica adalah yang paling rendah berbanding robusta dan arabica serta kurang keasidan membuatkan ia pilihan yang perlu dicuba oleh penggemar kopi.

Kopi Liberica sesuai ditanam di negeri Johor dan negeri-negeri yang menerima taburan hujan yang banyak dan seragam sepanjang tahun manakala kopi Robusta pula lebih sesuai ditanam di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang menerima taburan hujan yang kurang dan mengalami musim kering yang panjang.

Pada tahun 2024, negeri Johor muncul sebagai pengeluar utama buah kopi negara dengan pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 1,796 mt. Pengeluar kopi kedua terbesar adalah Sabah (945 mt) diikuti Sarawak (43 mt). Daerah yang paling banyak mengeluarkan kopi pada tahun 2024 adalah Pontian (856 mt), diikuti Batu Pahat (666 mt) dan Kluang (203 mt). Jumlah keluasan dan pengeluaran kopi bagi daerah-daerah di Johor bagi tempoh 2022-2024 adalah seperti yang tercatat di Jadual 1.

Tahun	2022		2023		2024	
Daerah	Luas Berhasil (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)	Luas Berhasil (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Bertanam (ha)
Batu Pahat	501	226	652	271	666	241
Johor Bahru	-	-	-	-	-	-
Kluang	253	37	368	53	203	28
Kota Tinggi	-	1	1	1	-	-
Kulai	-	-	-	-	16	5
Mersing	-	-	-	-	3	3
Muar	24	8	52	8	52	8
Pontian	2,010	132	1,893	134	856	139
Segamat	-	-	18	31	-	-
Tangkak	-	-	-	-	-	-
Grand Total	2,789	404	2,984	497	1,796	423

Jadual 1: Jumlah pengeluaran dan keluasan tanaman kopi di daerah Johor (Tahun 2022 - 2024)

Sumber: Dashboard Statistik Tanaman Agromakanan 2021-2024 (Jabatan Pertanian)

Menurut Kajian Penilaian Ekonomi kopi Liberica, Robusta dan Arabica di Malaysia yang dijalankan oleh MARDI, kopi Liberica boleh menghasilkan kopi beras secara purata sebanyak 2,108 kg/ha setahun dan pada harga RM19.15/kg, kos pengeluaran adalah berjumlah RM21,085/ha setahun. Petani akan mendapat keuntungan bersih sebanyak RM19,278/ha setahun dengan kadar pulangan dalaman (IRR) 35% dan nisbah faedah kos (BCR) 1.79. Setiap RM1 yang dilaburkan oleh petani akan memberi pulangan sebanyak RM0.79. Penanam akan mendapat pulangan modal pada tahun ketiga. Daya maju pengeluaran kopi beras menunjukkan berdaya maju. Hal ini disebabkan oleh harga kopi beras yang hampir 18 kali ganda lagi mahal daripada kopi jambu. Sebagai contoh, harga kopi beras Liberica ialah RM19.15/kg berbanding dengan kopi jambu RM1.10/kg. Dengan purata hasil 588 kg/ha setahun dan jumlah kos pengeluaran berjumlah RM4,891/ha setahun, keuntungan bersih adalah sebanyak RM6,360/ha setahun. Kadar pulangan dalaman (IRR) didapati pada kadar 46% dengan nisbah faedah kos (BCR) 2.21 dan tempoh pulang modal adalah pada tahun keempat (Jadual 2).

Menurut kajian ini juga, kopi Liberica mempunyai rasa yang unik yang tidak ada pada kopi Robusta dan Arabica, namun disebabkan kurangnya produk Liberica di pasaran, ia kurang dikenali oleh masyarakat. Promosi, kualiti dan rasa merupakan antara faktor penerimaan bagi produk Liberica dan dengan pengaruh media sosial ia mampu diketengahkan di samping menggalakkan penanaman kopi Liberica dalam kalangan petani dengan memberi jaminan harga dan menubuhkan pusat pengumpulan untuk pemprosesan kopi jambu kepada kopi beras.

Parameter	Daya Maju Pengeluaran Kopi Jambu Liberica	Daya Maju Pengeluaran Kopi Beras Liberica
Purata hasil (kg/ha)	19,516	2,108
Harga (RM/kg)	1.67	19.15
Jumlah kos berubah (RM/ha)	18,169	18,485
Jumlah kos tetap dan susut nilai (RM/ha)	2,600	2,600
Jumlah kos pengeluaran (RM/ha)	20,769	21,085
Keuntungan bersih (RM/kg)	11,832	19,278
Jumlah kos pengeluaran (RM/ha)	0.99	10.00
Keuntungan bersih (RM/kg)	0.51	9.15
Nilai kini bersih @ 10% (NPV)	40,253	77,077
Kadar pulangan dalaman (IRR)	25%	35%
Nisbah faedah kos @10% (BCR)	1.47	1.79
Tempoh pulang modal (tahun)	4.6	3.9

Jadual 2: Daya Maju Pengeluaran Kopi Jambu dan Kopi Beras Mengikut Manual Penanaman
Sumber: PENILAIAN EKONOMI KOPI LIBERICA, ROBUSTA DAN ARABICA DI MALAYSIA (Nik Rahimah Nik Omar¹, Aimi Athirah Ahmad¹, Noor Syahira Nasarudin², Nurul Huda Sulaiman dan Bashah Ahmad¹)

Pada tahun 2024, sebanyak RM215,000.00 telah diperuntukkan Pembangunan Industri Kopi oleh Kerajaan bagi usaha meningkatkan produktiviti ladang kopi yang berkeluasan 500 hektar dan melibatkan 11 usahawantani termasuk 1 ladang berstatus estate di negeri Johor. Peruntukan tersebut digunakan bagi perolehan seperti bengkel pemprosesan kopi, alat memproses biji kopi, input pertanian dan peralatan ladang. Pengeluaran di ladang adalah lebih menguntungkan jika tanaman kopi diusahakan bersama tanaman lain (integrasi) terutamanya kelapa. Peruntukan melibatkan Industri Asas Tani turut disediakan bagi usahawan produk hiliran kopi. Jabatan Pertanian juga menggalakkan petani kopi untuk memproses sendiri buah kopi dari ladang sehingga sekurang-kurangnya ke peringkat kopi beras, bukan sekadar kopi jambu bagi mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. Pada ketika ini, permintaan terhadap biji kopi, serbuk kopi campuran dan kopi segera semakin meningkat. Namun, inisiatif petani untuk turut terlibat sehingga ke peringkat penghasilan serbuk kopi dan produk hiliran berkaitan kopi adalah yang terbaik kerana akan menjana pendapatan yang lebih lumayan dan menepati konsep *from farm to table* dalam industri kopi.

Menurut laporan Food and Agriculture Organization (FAO), hampir 70% tanaman kopi yang ditanam dan didagangkan di pasaran dunia adalah daripada varieti kopi Arabica, diikuti oleh varieti kopi Robusta (28%) dan bakinya (2%) adalah daripada varieti kopi Liberica dan Excelsa. Di Malaysia, hanya terdapat dua varieti kopi yang ditanam iaitu kopi Liberica (90%) dan Robusta (10%). Bagi mempromosi dan meraikan kopi sebagai satu minuman harian di samping menghargai petani kopi serta seluruh rantai nilai kopi termasuklah pemproses, pengilang hingga pengguna, Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO), yang dianggotai 49 negara, telah bersetuju meraikan tanggal 1 Oktober sebagai tarikh sambutan Hari Kopi

Antarabangsa. Melalui forum sambutan Hari Kopi Sedunia inilah keunikan kopi Liberica dapat diketengahkan di mata dunia dan menerima sambutan yang premium kerana keberadaan varieti kopi Liberica hanya banyak ditemui di Malaysia khususnya di Johor dan Indonesia sahaja dan kewujudannya kurang dari 2% berbanding kopi varieti lain di dunia.

Pada tahun 2024, Jabatan Pertanian telah bekerjasama dengan pihak MyIPO bagi mendaftarkan penjenamaan benih kopi Liberica di Pusat Pertanian Parit Botak, Batu Pahat. Dengan penjenamaan menggunakan petunjuk geografi yang didaftarkan dengan MyIPO diharapkan benih Kopi Liberica Johor dapat ditambahnilai dalam pasaran sekaligus memberikan manfaat ekonomi kepada pengusaha yang terlibat. Dengan pengiktirafan ini, Kopi Liberica Johor berpotensi menjadi '*signature*' baharu yang mencerminkan keunikan Johor serta pilihan destinasi agro pelancongan. Ia sekali gus mencerminkan komitmen memajukan industri pertanian di Johor melalui inovasi dan penjenamaan produk tempatan.

Perubahan cita rasa dan pembangunan varieti kopi telah menjadikan kopi Liberica mula mendapat permintaan, sekali gus meningkatkan harga kopi Liberica dan merupakan peluang kepada pengusaha kopi di khususnya Johor untuk meningkatkan pengeluaran. Serlahkan keunikan Kopi Liberica *signature* Johor, majulah usahawan kopi Johor.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

INDUSTRI KELULUT NEGERI JOHOR

Natasha binti Mahamad Tabor
Jabatan Pertanian Negeri Johor

ABSTRAK

Kelulut (*Stingless Bee*) merupakan serangga kecil yang bersarang di rongga kosong batang dan pokok, kaviti dalam tanah atau rekahan batu serta mudah dikesan melalui kehadiran corong laluan keluar masuk. Habitat asal kelulut ialah di negara-negara tropika dan subtropika seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Australia, Peru, Venezuela, Brazil, Filipina, India dan Brunei. Lebih daripada 500 spesis kelulut (Michener, 2013) telah dikenalpasti di serata dunia. Di Malaysia sebanyak 35 spesis telah diinventorikan di Muzium Serangga MARDI (MARDI, 2016).

Kelulut memainkan peranan penting sebagai agen pendebungaan dalam ekosistem pertanian dan hutan hujan tropika. Kelulut berasal dari keluarga Apidae, subkeluarga Apinae, berupaya untuk menghasilkan madu, propolis dan roti lebah. Kelulut dipelihara untuk pengeluaran madu secara meluas di Malaysia bermula sekitar tahun 2010. Industri pemeliharaan kelulut berkembang pesat atas permintaan pengguna yang mula menyedari khasiat madu kelulut dan ini mendorong pengusaha mengambil peluang untuk memelihara bagi memenuhi kehendak pasaran. Perusahaan ternakan kelulut merupakan satu perusahaan yang mempunyai potensi untuk menjana pendapatan. Ia boleh diusahakan sebagai aktiviti sampingan bahkan boleh menjadi salah satu produk pelancongan sekiranya diusahakan secara sistematik dan berskala komersial.

Tambahan pula, pengurusan pemeliharaan kelulut adalah lebih mudah berbanding lebah madu dan potensi pengeluaran hasil (madu, roti lebah dan propolis) dengan harga jualan yang lebih baik. Madu kelulut mempunyai pelbagai kelebihan dan manfaat. Selain dijual sebagai madu segar, pelbagai produk boleh dihasilkan daripada madu dan propolis kelulut minyak angin propolis, minyak propolis, bee bread, dan produk kecantikan. Hasil penyelidikan oleh MARDI mendapati madu kelulut bukan sahaja rendah kandungan gula bahkan ia juga turut kaya dengan antioksidan. Kandungan antioksidan yang terdapat di dalam madu kelulut dikatakan adalah 4 sehingga 10 kali ganda berbanding madu lebah. Ia baik untuk mengurangkan tahap kolesterol dalam plasma darah dan risiko mendapat kanser perut.

Jabatan Pertanian Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memacu industri dengan membimbing pengusaha melalui kepakaran latihan dan khidmat nasihat teknikal. Jabatan juga telah mewujudkan Pusat Apiari Nasional di Pusat Pertanian Parit Botak, Batu Pahat, Johor dan Pusat Apiari Wilayah Timur di Taman Pertanian Sekayu, Hulu Terengganu, Terengganu sebagai pusat rujukan dan latihan. Terdapat dua spesis kelulut di Malaysia yang

dikenal pasti sesuai untuk pemeliharaan bagi pengeluaran madu secara komersial iaitu *Heterotrigona itama* dan *Geniotrigona thoracica*. Anggaran madu yang dihasilkan adalah 5 kg/koloni/tahun. Harga jualan madu kelulut adalah sekitar RM200.00 sehingga RM300.00 setiap kilogram bergantung kepada kedapatan sumber nektar. Harga madu kelulut yang tinggi dan stabil merupakan salah satu faktor perusahaan kelulut menjadi pilihan untuk dijalankan secara komersial mahupun sebagai hobi.

Berdasarkan Manual Pemeliharaan Kelulut (*Heterotrigona itama*) Jabatan Pertanian, koloni kelulut yang dipelihara perlu diperiksa sekurang-kurangnya dua hari sekali. Pemeriksaan koloni di lapangan perlu menumpukan kepada:

1. Keadaan populasi: Koloni kelulut yang dipelihara hendaklah sentiasa aktif [kadar *fly in fly out* (FIFO) adalah ≥ 35 ekor seminit] dan mempunyai populasi pekerja yang banyak (melebihi 90% populasi koloni). Sebanyak 80-90% ruang kotak *topping* digunakan untuk membuat kantung madu ataupun roti lebah.
2. Kehadiran telur dan anak: Ratu yang produktif mengeluarkan banyak telur (1,500 - 2,500 biji telur sehari) dan seterusnya menghasilkan banyak anak.
3. Stok madu dan roti lebah: Koloni yang aktif dan sihat mempunyai banyak stok madu dan roti lebah.
4. Kawalan serangan perosak dan penyakit: Perosak utama kelulut ialah *black soldier fly* (*Hermetia illucens*) dan kumbang debunga (*Haptoncus luteus*). Perosak lain yang biasa menyerang adalah semut, lipas, katak, cicak dan lain-lain.
5. Pengurusan sumber nektar, debunga, resin dan air bersih sangat penting. Pastikan koloni mempunyai cukup sumber untuk membina sarang dan menghasilkan madu.
6. Kawasan pemeliharaan kelulut perlu sentiasa bersih dan teratur bagi mengelakkan serangan perosak dan penyakit.

Pada tahun 2024, negeri Johor menduduki tempat kedua penyumbang pengeluaran madu kelulut negara dengan pengeluaran sebanyak 14 mt selepas Kelantan (313 mt) dan mendahului Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu (masing-masing 7 mt). Daerah yang paling tinggi pengeluaran madu kelulut pada tahun 2024 adalah Kota Tinggi (7 mt), diikuti Segamat (2 mt) dan Muar (1 mt). Jumlah pengeluaran dan keluasan projek madu kelulut bagi daerah-daerah di Johor bagi tempoh 2022-2024 adalah seperti yang tercatat di Jadual 1.

Tahun	2022		2023		2024	
Daerah	Pengeluaran (MT)	Luas Projek (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Projek (ha)	Pengeluaran (MT)	Luas Projek (ha)
Batu Pahat	0	4	1	4	1	3
Johor Bahru	-	-	1	5	1	5
Kluang	2	20	1	15	1	10
Kota Tinggi	9	46	11	35	7	30
Kulai	1	1	0	1	0	1
Mersing	0	2	0	2	1	6
Muar	0	2	1	15	1	15
Pontian	0	1	0	7	0	5
Segamat	1	7	40	30	2	1
Tangkak	-	-	-	-	-	-
Grand Total	13	83	55	115	14	77

Jadual 1: Jumlah pengeluaran madu kelulut dan keluasan projek madu kelulut di daerah Johor (Tahun 2022 - 2024)

Sumber: Dashboard Statistik Tanaman Agromakanan 2021-2024 (Jabatan Pertanian)

Perubahan trend pengeluaran madu kelulut didorong oleh beberapa faktor utama, termasuk keadaan cuaca yang sesuai untuk aktiviti koloni kelulut. Selain itu, peningkatan kesedaran petani tentang penjagaan koloni, bekalan sumber nektar dan substitut makanan koloni yang betul, persekitaran bebas perosak dan sebarang pencemaran terhadap koloni kelulut turut memainkan peranan yang penting. Penurunan pengeluaran madu turut dipengaruhi oleh kejadian bencana banjir dan ribut, serangan haiwan liar yang memusnahkan koloni, pertukaran penempatan koloni secara mendadak dan pembangunan. Aktiviti pemulihan koloni kelulut melibatkan penambahan sumber nektar, sumber debunga dan resit sebagai sumber makanan kelulut. Ia turut melibatkan kemahiran petani dalam pemulihan koloni, penggandaan koloni, penjagaan sanitasi ladang dan pembaharuan ratu. Ianya memerlukan tempoh pemulihan yang panjang untuk menstabilkan koloni dan merangsang aktiviti kelulut bagi penghasilan madu bergantung kepada kemahiran dan disiplin petani. Penghasilan madu kelulut secara alami akan menghasilkan madu tulin berkualiti tinggi yang merupakan salah satu produk *superfood* negeri Johor.

Pada tahun 2024, sebanyak RM650,000.00 telah diperuntukkan bagi Pembangunan Industri Lebah Kelulut oleh Kerajaan bagi usaha meningkatkan produktiviti projek kelulut yang berkeluasan 82 hektar dan melibatkan seramai 64 orang usahawantani di negeri Johor. Peruntukan tersebut digunakan bagi perolehan seperti mesin memproses madu, peralatan, keperluan pembungkusan madu, haif kelulut dan tanaman sumber nektar. Penternakan lebah kelulut di ladang adalah lebih menguntungkan jika diusahakan bersama tanaman lain (integrasi) terutamanya di ladang tanaman buah-buahan. Secara simbiosisnya kelulut membantu proses pendebungaan tanaman dan tanaman pula menjadi sumber nektar,

debunga dan resin untuk kelulut. Peranan kelulut sebagai agen pendebungaan bagi membantu meningkatkan hasil tanaman sangat bermanfaat. Makhluk kecil ciptaan tuhan ini wajar dimanfaatkan di setiap ladang agar dapat menyumbang peningkatan hasil tanaman disamping menghasilkan madu tulin berkualiti *superfood* negeri Johor.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

MEMPERKASA JOHOR SEBAGAI 'PERIUK NASI SELATAN'

Bahagian Pengesanan dan Penilaian
Jabatan Pertanian Negeri Johor

ABSTRAK

Pembangunan sawah merupakan salah satu fokus di dalam Agenda Dasar Agromakanan Negeri Johor (DANJ) dalam memastikan pengeluaran padi di Johor terus meningkat saban tahun. Negeri Johor mempunyai sepuluh (10) buah kawasan sawah padi Luar Jelapang berjumlah 2,567.68 hektar. Keluasannya melibatkan daerah Tangkak (5 sawah; 1,203 hektar), daerah Muar (1 sawah; 364.22 hektar), daerah Mersing (2 sawah; 548 hektar), daerah Batu Pahat (1 sawah; 108 hektar) dan daerah Kluang (1 sawah; 344.46 ha). Berdasarkan Pelan Pembangunan Industri Padi dan Beras, Johor mensasarkan peningkatan pengeluaran padi daripada 4 tan/ha kepada 6 tan/ha bagi keluasan pabel aktif sedia ada (1,631 ha) bagi menjayakan agenda menjadikan negeri ini sebagai 'Periuk Nasi Selatan'. Purata hasil padi 4 tan/ha dengan keluasan bertanam seluas 1,631 hektar akan memberikan pengeluaran hasil padi sebanyak 6,524 mt semusim seterusnya menyumbang kepada pengeluaran hasil padi tahunan sebanyak 13,048 mt bersamaan 9,134 mt beras bagi 2 musim penanaman. Pengeluaran beras ini menyumbang sebanyak 2.9% keperluan penduduk Johor. Manakala purata hasil padi 6 tan/ha dengan keluasan seluas 1,631 hektar akan memberikan pengeluaran hasil padi sebanyak 9,786 mt semusim seterusnya menyumbang kepada pengeluaran hasil padi tahunan sebanyak 19,572 mt bersamaan 13,700 mt beras bagi 2 musim penanaman.

Dalam melaksanakan pembangunan "Periuk Nasi Selatan" untuk memastikan jaminan bekalan makanan terpelihara, Jabatan Pertanian bersama-sama Komuniti Pesawah melalui Program Pembangunan Sawah Padi telah melaksanakan beberapa aktiviti menaiktaraf infrastruktur seperti pembersihan perparitan sawah, perataan tanah sawah, penggunaan benih padi bermutu tinggi serta bahan input tambahan. Aktiviti menaiktaraf infrastruktur seperti perataan sawah ini akan dapat membantu pengagihan air di dalam sawah dengan lebih cekap dan seragam. Ini amat penting dan amat baik untuk pertumbuhan pokok padi. Di dalam kerja-kerja perataan sawah ini jika nilai pH tanah kurang dari 5.5, pengapuran juga perlu dilakukan. Keasidan tanah yang terlalu tinggi atau terlalu rendah menjejaskan pertumbuhan tanaman kerana akar-akar tanaman tidak dapat tumbuh dengan baik bagi menyerap zat-zat makanan dalam tanah.

Penggunaan benih padi yang rintang kepada serangan perosak dan penyakit juga amat penting dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil padi. Antara varieti yang digunakan adalah MR 220 CL, padi wangi MRQ 74 dan juga MRQ 76. Padi MR 220 CL yang mempunyai daya tahan penyakit dan lebih cepat matang. Padi jenis ini mampu mencegah masalah padi angin yang menyebabkan ramai petani kerugian. Manakala Padi MRQ74 dan MRQ76 mempunyai banyak keistimewaan, antaranya pokok tegak serta tegap dengan daun pengasuh yang panjang dan tegak, matang pada 117 hari selepas ditabur benihnya. Selain itu ianya tahan penyakit karah atau serangan kulat yang merosakkan tangkai dan daun serta tahan serangan bena perang iaitu serangan ulat, serangga, hawar daun bakteria, hawar seludang dan penyakit merah virus. Jabatan Pertanian turut mengaplikasikan inovasi terkini bagi kawalan perosak siput gondang menggunakan perangkap *SGgold* dan umpan *SGE Bait*. Penyiasatan pengeluaran padi atau *Crop Cutting Survey* (CCS) sentiasa dijalankan setiap musim oleh Pejabat Pertanian Daerah bagi mendapatkan data yang betul serta menepati piawaian atau standard yang ditetapkan. Data yang diperolehi ini amat penting dalam menentukan anggaran pengeluaran hasil padi bagi setiap musim. Sekiranya hasil yang diperolehi mencapai sasaran maka amalan pertanian dan teknologi yang dilaksanakan memadai atau boleh diperbaiki lagi. Sebaliknya jika hasil yang diperolehi masih rendah, maka kajian perlu dibuat untuk memperbaiki atau meningkatkan hasil pengeluaran padi. Khidmat nasihat teknikal sentiasa diberikan kepada pesawah bagi pematuhan *Rice Check* sebagai usaha meningkatkan hasil padi dari 3.5 hingga 4 metrik tan/ha kepada 6 metrik tan/ha.

Penggunaan mikrob berfaedah dalam amalan *Integrated Pest Management* (IPM) juga membantu memperbaiki keadaan fizikal, mikro dan biologi tanah. Seterusnya dapat meningkatkan kebolehan tanaman untuk mengambil zat nutrient dari tanah dan juga membantu pengawalan penyakit yang disebabkan oleh kulat. Jabatan Pertanian turut menjalankan *soil profiling* dan kolaborasi bersama syarikat swasta melalui program *Participatory Observation* bagi menambahbaik struktur dan kesuburan tanah dengan kerjasama pesawah-pesawah. Insentif berkaitan automasi, mekanisasi dan teknologi baru turut disalurkan kepada kelompok sawah berupa implemen jentera, transplanter, dron kerja, dron pemantauan, mesin dan peralatan dalam usaha meningkatkan kecekapan operasi dan memodenkan sawah di seluruh negeri Johor.

Keluasan sawah padi di negeri Johor lebih kecil berbanding Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan mahupun Terengganu. Bagaimanapun tumpuan kerajaan negeri Johor untuk mewujudkan '*Southern Rice Bowl*' di negeri ini tetap menjadi keutamaan demi jaminan bekalan makanan di negeri Johor. Sungguhpun Johor adalah pengeluar padi di luar jelang, ia tetap menjadi fokus kerajaan negeri dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti pengeluarannya. Negeri Johor juga terlibat dengan langkah kerajaan pusat untuk meningkatkan pengeluaran beras di negara ini. Di antara langkah kerajaan Pusat untuk menggalakan peningkatan pengeluaran beras ialah melalui insentif seperti berikut:

Insentif sedia ada:

- i. Baja Sebatian (17.5 : 15.5 : 10) bernilai RM474.00 sehektar
- ii. Baja Urea (46% N) bernilai RM147.60 sehektar
- iii. Baja NPK (17 : 3 : 20 : 2MgO+TE) bernilai RM360.00 sehektar
- iv. Mikrob Bakteria Cecair bernilai RM140.00 sehektar
- v. Racun Makhluk Perosak Padi bernilai RM200.00 sehektar
- vi. Pembajakan Sawah bernilai RM100.00 sehektar
- vii. Skim Insentif Benih Padi Sah RM144.20 sehektar
- viii. Harga Minimum Terjamin Padi daripada RM550 kepada RM650 setan metrik yang bermula pada 1 November 2006
- ix. Subsidi Harga Padi – RM 248.00/ tan metrik
- x. Insentif Peningkatan Hasil Padi bernilai RM650/tan bagi pesawah yang berjaya meningkatkan hasil padi sekurang-kurangnya 1 peratus
- xi. Bonus pencapaian penghasilan padi 10 tan metrik sehektar bernilai RM650.
(Bantuan atau insentif adalah disalurkan melalui pihak BERNAS dan Lembaga Pertubuhan Peladang / Pertubuhan Peladang Kawasan).

Dalam Program Pembangunan Sawah Padi di Negeri Johor, pada tahun 2024 Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM900,000 melibatkan penanaman padi sedia ada seluas 515.60 hektar melibatkan 949 orang pesawah. Pada tahun yang sama, kerajaan Johor dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah membuka kawasan tanaman padi baru seluas 20 hektar di Sawah Kahang, Kluang. Tanah ini merupakan tanah bekas sawah terbiar dalam Skim Pengairan Sawah Kahang dan Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 650,000.00 untuk pembukaan kawasan tanaman padi baru ini. Kerja pembangunan Sawah kahang Fasa 1 ni telah selesai dan penanaman padi dimulakan pada awal tahun 2025.

Bagi tahun 2025 pula, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.9 juta bagi penambahan keluasan sawah baru (Fasa 2) Sawah Kahang, Kluang seluas 10 ha dan penambahan keluasan sawah baru di Sawah Sungai Balang, Muar seluas 20 ha.

Sementara usaha perluasan kawasan penanaman padi dilaksanakan, prestasi pengeluaran sawah sedia ada sentiasa dipantau. Bagi Musim Utama 2024, Johor mencatatkan pengeluaran sebanyak 6,415 mt dan 3,943 mt bagi Luar Musim 2024 seperti di Jadual 1. Prestasi keluasan penanaman dan pengeluaran padi negeri Johor turut dipantau oleh Jabatan Pertanian setiap tahun melalui Data Siri Masa industri padi negeri Johor di Jadual 2.

Daerah/ Sawah	Musim Utama				Luar Musim			
	Luas Pasel Padi	Luas Bertanam	Purata Hasil Padi Bersih	Pengeluaran Padi	Luas Pasel Padi	Luas Bertanam	Purata Hasil Padi Bersih	Pengeluaran Padi
	(Ha)	(Ha)	(Kg/Ha)	(Mt)	(Ha)	(Ha)	(Kg/Ha)	(Mt)
Daerah Batu Pahat	66	66	5,162	341	66	66	4,887	323
Sawah Sagil	66	66	5,162	341	66	66	4,887	323
Daerah Mersing	527	456	2,571	1,172	527	-	-	-
Sawah Padang Endau	432	378	4,068	1,538	432	Tidak Bertanam		
Sawah Air Papan	95	78	4,207	328	95	Tidak Bertanam		
Daerah Kluang	149	-	-	-	149	-	-	-
Sawah Kahang	149	Tidak Bertanam						
Daerah Tangkak	574	574	5,196	2,983	574	574	4,629	2,657
Sawah Kesang Gate	32	32	5,061	162	32	32	3,733	119
Sawah Kesang Tasek	75	75	5,963	447	75	75	5,243	393
Sawah Pulau Penarik	49	49	-	-	49	49	-	-
Sawah Telok Rimba	154	154	5,970	919	154	154	5,243	807
Sawah Sungai Ring	264	264	4,526	1,195	264	264	5,370	1,418
Daerah Muar	297	297	5,125	1,522	297	297	3,244	963
Sawah Sungai Balang	297	297	5,125	1,522	297	297	3,244	963
JUMLAH	1,613	1,393	4,605	6,415	1,613	937	4,208	3,943

Jadual 1 : Keluasan Bertanam, Purata Hasil Hasil dan Pengeluaran Padi Mengikut Daerah, Negeri Johor Tahun 2024

Sumber: Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi (PPP) Peringkat Kebangsaan

Tahun	Musim Utama			Luar Musim			Semua Musim		
	Luas Tanam	Purata Hasil Padi Bersih	Pengeluaran Padi	Luas Tanam	Purata Hasil Padi Bersih	Pengeluaran Padi	Luas Tanam	Purata Hasil Padi Bersih	Pengeluaran Padi
	(Ha)	(Kg/Ha)	(Mt)	(Ha)	(Kg/Ha)	(Mt)	(Ha)	(Kg/Ha)	(Mt)
2007	1,349	3,704	4,997	1,290	3,275	4,225	2,639	3,495	9,222
2008	1,344	3,642	4,894	810	3,992	3,234	2,154	3,773	8,128
2009	1,228	4,084	5,015	1,333	3,484	4,644	2,561	3,772	9,659
2010	1,481	3,762	5,572	1,437	3,934	5,653	2,918	3,847	11,225
2011	1,494	3,755	5,610	1,528	3,839	5,867	3,022	3,798	11,477
2012	1,431	3,803	5,442	1,503	4,097	6,158	2,934	3,954	11,600
2013	1,525	3,955	6,031	1,435	5,135	7,369	2,960	4,527	13,400
2014	1,555	4,493	6,987	1,421	4,132	5,872	2,976	4,321	12,859
2015	1,540	3,926	6,046	1,470	4,139	6,084	3,010	4,030	12,130
2016	1,537	4,073	6,260	1,044	4,343	4,534	2,581	4,182	10,794
2017	1,550	3,105	4,813	1,450	2,586	3,750	3,000	2,854	8,563
2018	1,447	3,516	5,088	1,419	3,056	4,336	2,866	3,286	9,424
2019	1,158	3,122	3,440	1,398	2,927	4,092	2,556	3,025	7,532
2020	1,445	3,180	4,595	1,102	2,638	2,907	2,547	5,818	7,502
2021	1,475	3,122	3,440	1,030	2,927	3,015	2,505	2,577	6,455
2022	1,460	4,264	6,225	1,317	3,501	4,611	2,777	3,655	10,150
2023	1,444	3,865	5,581	1,427	3,583	5,113	2,871	3,364	9,658
2024	1,393	4,605	6,415	937	4,208	3,943	2,330	4,407	10,268

Jadual 2 : Data Siri Masa-Keluasan Bertanam, Purata Hasil padi Bersih dan Pengeluaran Padi Bagi Negeri Johor, Tahun 2007-2024

Sumber: Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi (PPP) Peringkat Kebangsaan

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memantapkan dan memelihara kawasan penanaman padi di negeri Johor selaras dengan saranan Pemeliharaan Kawasan Penanaman Padi Wilayah Selatan dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4) iaitu pengekalan kawasan padi ke arah jaminan tahap sara diri beras sebanyak 80% menjelang tahun 2040. Peningkatan pengeluaran purata hasil padi daripada 4 tan/ha kepada 6 tan/ha memerlukan komitmen yang tinggi daripada petani serta pengurusan dan pengendalian sawah padi yang tersusun. Penguatkuasaan bagi mengoptimumkan penggunaan kawasan rizab tanaman padi yang telah bertukar kepada tanaman lain dan tepu bina telah menjadi cabaran yang sangat besar terhadap industri padi. Penyediaan dan penambahan kawasan baru turut memerlukan penelitian pihak Kerajaan negeri bagi mewartakan kawasan tersebut sebagai rizab tanaman padi. Di samping itu, pembangunan kawasan baru tanaman padi memerlukan penelitian rapi oleh pihak Kerajaan bagi penyediaan infrastruktur utama dengan kos projek yang besar bagi menjayakan agenda memperkasa negeri Johor sebagai 'Periuk Nasi Selatan'.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

**HASIL BUAH TANDAN SEGAR (BTS) ESTET SAWIT DI JOHOR (2003-2024):
FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRODUKTIVITI HASIL BTS**

Khairina Ahmad Khir; Ainul Hani Abu Bakar;
Nur Aizan Amirolmokmenin dan Norfadilah Hashim
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Tanaman Kelapa Sawit di Johor

Kelapa sawit adalah salah satu tanaman komoditi utama dalam sektor pertanian negara yang memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sumbangan tanaman ini jelas melalui peranannya dalam menjana pendapatan eksport negara serta menyediakan peluang pekerjaan di pelbagai peringkat dalam rantai nilai industri sawit. Sehingga 2017, Johor mencatatkan keluasan tanaman kelapa sawit terbesar di Semenanjung Malaysia. Keadaan ini antaranya disebabkan oleh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada 1971 bertujuan menyusun semula struktur masyarakat dan mengurangkan kadar kemiskinan, di mana pelaksanaan pelbagai skim pembangunan tanah, terutamanya yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebagai instrumen utama untuk mencapai objektif tersebut. Johor, dengan kelebihan dari segi keluasan tanah pertanian, telah menjadi antara lokasi utama pelaksanaan skim ini.

Namun, bermula 2018, Pahang telah mengambil alih kedudukan Johor sebagai negeri dengan keluasan tanaman kelapa sawit terbesar di Semenanjung Malaysia. Perubahan ini sebahagiannya disebabkan oleh proses perbandaran dan pembangunan pesat yang berlaku di Johor, khususnya di wilayah selatan seperti Iskandar Malaysia. Banyak kawasan ladang kelapa sawit di Johor telah ditukar guna untuk tujuan pembangunan perumahan, perindustrian dan infrastruktur, sekali gus mengurangkan jumlah tanah yang tersedia dan sesuai untuk tanaman kelapa sawit di negeri tersebut.


Pada 2024, Johor memiliki keluasan tanaman kelapa sawit sebanyak 659,820 hektar, mewakili 11.8% daripada keluasan tanaman kelapa sawit di Malaysia yang berjumlah 5,612,852 hektar. Keluasan tanaman kelapa sawit terbesar di Johor adalah di daerah Kluang, Kota Tinggi dan Segamat dengan keluasan masing-masing berjumlah 174,449 hektar (26.4%), 149,262 hektar (22.6%) dan 106,241 hektar (16.1%). Keluasan tanaman kelapa sawit ini bukan sahaja menjadi sumber pendapatan utama kepada pekebun kecil dan syarikat perladangan di daerah-daerah tersebut, malah turut memberi impak besar kepada ekonomi Johor, seterusnya menyumbang secara signifikan dalam naratif pembangunan industri sawit negara.

Produktiviti Hasil Buah Tandan Segar (BTS) Estet di Johor, 2003 Hingga 2024

Berdasarkan jumlah keluasan tanaman kelapa sawit di Johor pada 2024, sektor perladangan mencatatkan sumbangan terbesar dengan keluasan sebanyak 398,710 hektar iaitu bersamaan 60.4% daripada keseluruhan. Sumbangan seterusnya ialah daripada Pekebun Kecil Persendirian (ISH) dengan 131,816 hektar (20.0%) dan Pekebun Kecil Tersusun (OSH) dengan 129,294 hektar (19.6%). Walau bagaimanapun, **produktiviti hasil BTS yang dihebahkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada masa ini hanya merujuk kepada hasil BTS bagi Kategori Estet yang merangkumi Sektor Perladangan dan Sektor OSH sahaja**

Produktiviti sawit merujuk kepada kecekapan pengeluaran BTS secara optimum bagi setiap hektar tanah yang bertanam sawit. Ia menggambarkan sejauh mana ladang sawit dapat menghasilkan BTS yang banyak dan berkualiti tinggi daripada pokok sawit yang ditanam atau dituai. Produktiviti tinggi bermakna ladang beroperasi dengan efisien kerana dapat mengeluarkan lebih banyak hasil dalam kawasan yang sama seterusnya meningkatkan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) sekaligus memberi keuntungan kepada pengusaha ladang.

Prestasi produktiviti hasil BTS estet di Johor dan Malaysia dari 2003 hingga 2024 adalah seperti **Rajah 1**. Daripada prestasi hasil BTS tersebut, dapat disimpulkan bahawa Johor dan Malaysia menunjukkan trend hasil BTS yang hampir sama. Namun begitu, prestasi hasil BTS estet Malaysia direkodkan lebih rendah berbanding hasil BTS estet di Johor. Ini disebabkan oleh prestasi hasil BTS estet Malaysia mengambil kira purata hasil dari semua negeri, termasuk negeri-negeri yang mencatatkan hasil yang lebih rendah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti jenis tanah, umur pokok, cuaca dan amalan agronomi yang berbeza. Sebaliknya, prestasi hasil BTS estet di Johor hanya berdasarkan pencapaian di negeri tersebut, yang secara relatif mempunyai tahap produktiviti yang lebih tinggi berbanding produktiviti hasil BTS estet Malaysia.



Sumber: MPOB, 2025

Rajah 1. Prestasi Hasil BTS Estet di Johor dan Malaysia, 2003 Hingga 2024

Secara keseluruhan, **hasil BTS estet di Johor menunjukkan prestasi turun naik sepanjang tempoh 2003 hingga 2024**. Prestasi hasil **tertinggi** direkodkan pada **2017** sebanyak **20.66 tan/hektar/tahun (Rajah 1)**. Peningkatan ini disebabkan oleh **pemulihan hasil selepas penurunan ketara sebanyak 11.0% yang berlaku pada 2016 kesan fenomena El Nino ‘kuat’**. Laporan oleh *U.S. Department of Agriculture* (2017) menyatakan bahawa peningkatan hasil BTS pada 2017 menunjukkan pemulihan daripada kesan kemarau teruk yang dialami semasa fenomena El Nino pada 2015 dan 2016, serta didorong oleh corak cuaca yang kembali stabil. Selain itu, **purata hasil BTS yang tinggi di Johor** bagi tempoh tersebut **disokong oleh peratus keluasan pokok sawit matang penuh (9-18 tahun) yang lebih besar** di Johor iaitu sebanyak **40.8%** berbanding tahun-tahun lain di Johor yang merekodkan antara 39.0% hingga 40.1%. Keluasan pokok sawit matang penuh merujuk kepada pokok sawit berumur 9 hingga 18 tahun, iaitu dengan produktiviti hasil BTS sekitar 22 hingga 25 tan/hektar setahun (MPOB, 2008). Selain itu, prestasi yang memberangsangkan ini turut disumbang oleh hasil BTS yang tinggi di enam (6) daripada 10 daerah di Johor, iaitu Batu Pahat, Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi, Pontian dan Tangkak yang merekodkan hasil BTS tertinggi pada 2017, iaitu masing-masing sebanyak 21.62 tan/hektar/tahun, 20.54 tan/hektar/tahun, 22.39 tan/hektar/tahun, 20.73 tan/hektar/tahun, 25.92 tan/hektar/tahun dan 29.37 tan/hektar/tahun (**Jadual 1**).

Sementara itu, pada **2022, empat (4) daerah** di Johor iaitu **Johor Bahru (17.29 tan/hektar/tahun), Kluang (17.33 tan/hektar/tahun), Kulai (11.00 tan/hektar/tahun) dan Muar (15.30 tan/hektar/tahun)** masing-masing merekodkan hasil BTS **terendah sepanjang tempoh 2003 hingga 2023**. Prestasi hasil BTS yang rendah pada 2022 antaranya **disebabkan oleh isu kekurangan pekerja (*labour shortage*) di ladang**. Data menunjukkan Johor mengalami penurunan pekerja di ladang sebanyak 9.9% pada 2022 berbanding 2021 (MPOB, 2025). Perkara ini disebabkan oleh pekerja asing telah memilih untuk kembali ke negara asal mereka kerana tawaran gaji lebih baik, atau memilih pekerjaan di bandar (Utusan, 2022). **Kesan akibat kekurangan pekerja tersebut bertambah ketara apabila pandemik COVID-19 melanda dunia bermula awal 2020**, dan telah membawa kepada **penutupan sempadan negara**. Tambahan pula, **kerajaan turut melanjutkan pembekuan pengambilan pekerja asing sehingga akhir Disember 2021**, sekali gus menutup akses kepada pekerja baharu.

Hasil BTS estet di Johor yang direkodkan pada **2023 (17.41 tan/hektar/tahun)** adalah yang **terendah** sepanjang tempoh 2003 hingga 2024 (**Rajah 1**). Prestasi hasil BTS yang rendah tersebut antaranya disebabkan oleh **banjir luar biasa bermula Januari hingga Mac 2023**, yang **mengganggu jadual tuaian BTS** serta **kekurangan pekerja (*labour shortage*) di ladang** (Johor Plantations Group (JPG), 2023). Kekurangan pekerja (*labour shortage*) telah menjejaskan hasil BTS kerana kerja-kerja menuai BTS dan membaja

pokok tidak dapat dijalankan sepenuhnya. Pembajaan pokok sawit yang tidak sempurna akan memberi kesan kepada sasaran dan pencapaian hasil BTS dan secara tidak langsung akan menyebabkan pendapatan syarikat terjejas. Menurut Kamil & Zakaria (2023), BTS perlu dituai dan tidak boleh dibiarkan mereput di atas pokok. Oleh itu, kekurangan penuai telah mengakibatkan estet cenderung untuk menanggukkan pembelian dan aktiviti pembajaan serta memberi tumpuan kepada aktiviti penuaian dan mengutip buah lerai serta pemungutan BTS sahaja.

Hasil BTS estet di Johor pada 2024 mencatatkan prestasi yang memberangsangkan, meningkat sebanyak 14.0% kepada 19.84 tan/hektar/tahun, didorong oleh kenaikan hasil BTS estet di **semua daerah** berbanding 2023 (*Jadual 1*), susulan **pemulihan isu kekurangan pekerja (*labour shortage*)** berikutan kemasukan semula pekerja di ladang selepas pembukaan sempadan pasca-pandemik. Data menunjukkan pekerja ladang di Johor meningkat sebanyak 2.8% pada 2024 berbanding 2023 (MPOB, 2025). Selain itu, purata hasil BTS yang tinggi di Johor pada 2024 turut disokong oleh **peratus keluasan pokok sawit matang penuh yang lebih besar** iaitu sebanyak 41.2% berbanding pokok tua (melebihi 25 tahun ke atas) yang direkodkan sebanyak 9.2%.

JADUAL 1. PRESTASI HASIL BTS ESTET MENGIKUT DAERAH DI JOHOR, 2003 HINGGA 2024 (TAN/HEKTAR/TAHUN)

Daerah	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Batu Pahat	19.68	19.31	18.06	19.15	18.71	20.51	19.32	19.47	21.20	21.24	20.12	20.01	20.00	19.48	21.62	21.18	19.67	20.15	17.91	17.51	17.23	19.61
Johor Bahru	18.37	18.82	17.97	20.01	18.58	17.63	18.42	18.17	19.69	18.98	19.19	19.21	19.53	17.43	20.54	19.64	18.30	20.13	18.85	17.29	18.54	19.52
Kluang	20.30	19.86	19.08	20.85	19.65	20.63	19.91	19.07	21.52	19.88	21.03	21.27	21.41	19.41	22.39	20.75	20.47	21.43	18.64	17.33	17.92	20.73
Kota Tinggi	17.92	17.80	16.64	18.28	17.10	17.02	17.17	16.51	19.11	18.62	19.37	19.71	20.64	18.12	20.73	20.07	19.10	20.56	17.77	18.52	18.38	20.25
Kulai	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	23.24	11.22	13.36	18.55	18.53	18.51	17.63	11.00	12.10	14.02
Mersing	16.50	16.05	15.05	16.74	15.40	16.94	16.41	14.27	14.34	13.71	14.29	15.54	14.73	14.40	16.88	15.43	17.78	18.42	15.19	14.93	14.17	16.04
Muar	23.41	19.86	20.35	23.67	21.58	24.33	22.17	21.92	21.99	22.24	20.59	18.47	21.05	17.31	21.21	20.13	19.63	18.84	16.39	15.30	16.97	19.82
Pontian	15.18	13.51	13.85	15.30	13.42	13.25	14.44	20.85	21.72	22.75	18.79	22.55	24.12	24.94	25.92	24.61	22.17	22.35	20.40	18.98	19.96	20.17
Segamat	19.93	17.88	17.85	20.42	18.37	20.91	19.70	17.78	18.65	18.71	19.22	18.42	19.17	16.48	19.45	19.05	19.68	18.91	17.64	19.43	16.99	20.62
Tangkak	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	19.56	29.37	21.01	19.92	19.38	18.09	20.14	18.98	21.40
Purata	19.24	18.50	17.86	19.90	18.42	19.35	18.88	18.00	19.75	19.02	19.49	19.50	20.00	17.80	20.66	19.63	19.41	20.14	17.73	17.65	17.41	19.84

Nota: Hasil BTS estet terendah di daerah tersebut bagi tempoh 2003 hingga 2024.

Hasil BTS estet tertinggi di daerah tersebut bagi tempoh 2003 hingga 2024.

- : Tiada data yang direkodkan oleh MPOB.

Sumber: MPOB, 2025

Usaha Meningkatkan Produktiviti Hasil BTS

Usaha berterusan perlu dipergiat untuk mengembalikan produktiviti hasil BTS estet di Johor ke paras optimum (melebihi 20.00 tan/hektar/tahun). Antara saranan bagi membantu syarikat, pengusaha dan pemilik ladang meningkatkan produktiviti hasil BTS termasuklah:

- a) Masalah kekurangan pekerja (*labour shortage*) di ladang, di samping kebergantungan terhadap pekerja asing yang tinggi menjejaskan operasi ladang, di mana kerja-kerja seperti penuaian, pemungutan BTS serta pembajaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, dan seterusnya menjejaskan produktiviti hasil BTS. Sehubungan ini, pihak **kerajaan perlu membantu mempercepatkan pengambilan pekerja asing selain sektor perladangan sawit perlu meneroka pelbagai kaedah bagi meningkatkan produktiviti sawit seperti penggunaan mekanisasi untuk kerja-kerja di ladang bagi menggantikan tenaga pekerja**. Selain itu, sektor perladangan sawit **mempergiatkan penggunaan teknologi dan mekanisasi** dalam operasi ladang terutamanya dalam aktiviti penuaian seperti *motorized cutter* dan *grabber* bertujuan meningkatkan kecekapan penuaian dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manusia.
- b) Profil umur pokok sawit iaitu pokok produktif dan pokok tua turut menjadi faktor yang menyumbang kepada prestasi produktiviti hasil BTS. Bagi mengelakkan keluasan pokok sawit tua terus meningkat, syarikat perladangan disaran mempunyai perancangan yang lebih strategik dalam melaksanakan aktiviti penanaman semula pokok sawit tua dan kurang produktif secara berjadual bagi mengurangkan peratusan keluasan pokok sawit tua di ladang. **Penanaman semula secara berjadual dapat memastikan kawasan ladang sentiasa mempunyai pokok sawit matang penuh (9 hingga 18 tahun) yang menghasilkan BTS dengan produktiviti tinggi**. Justeru perancangan penanaman semula pokok sawit tua berserta pelaksanaannya mengikut jadual selain program tanam semula yang dilaksanakan oleh kerajaan harus dilakukan bagi menjamin hasil BTS yang optimum. Sementara itu, program Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit 2.0 (TSPKS 2.0) dengan peruntukan sejumlah RM100 juta telah disediakan khusus untuk pekebun kecil sawit persendirian yang layak untuk melaksanakan tanam semula sawit. Pelaksanaan insentif tanam semula ini disediakan di dalam bentuk geran padanan dan merupakan langkah proaktif kerajaan bagi menggalakkan pekebun kecil untuk menanam semula pokok sawit tua berusia lebih 25 tahun/ tidak produktif dengan anak benih sawit yang berkualiti tinggi. Usaha ini dijangka dapat meningkatkan populasi pokok sawit yang berprofil umur matang penuh (9-18 tahun) dan lebih produktif untuk jangka masa panjang, seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti sawit.

- c) Perubahan cuaca seperti **fenomena El Nino** turut mempengaruhi produktiviti hasil BTS. Namun, kesan El Nino kepada hasil BTS adalah tertakluk kepada status El Nino tersebut, iaitu samada kuat, sederhana, ringan atau lemah. Kajian oleh Kamil (2016) menyatakan El Nino ringan atau lemah tidak memberi kesan ketara kepada hasil BTS. Walau bagaimanapun, El Nino sederhana atau kuat boleh menyebabkan jumlah taburan hujan menjadi lebih rendah daripada biasa dan menjejaskan hasil BTS. Oleh itu, **walaupun dengan perkerja ladang yang mencukupi, adalah penting bagi Sektor Perladangan sawit mempunyai sistem pengurusan air yang baik bagi mengurangkan kesan perubahan cuaca atau El Nino terhadap tanaman sawit dan seterusnya meningkatkan produktiviti hasil BTS.**
- d) mempraktikkan pengurusan ladang yang efisien serta amalan pertanian baik (*Good Agricultural Practice* - GAP) seperti pemilihan baja yang sesuai dengan kuantiti yang mencukupi serta kawalan perosak dan penyakit dapat membantu menghasilkan BTS bermutu dengan hasil yang tinggi.

Kesimpulan

Industri sawit di Johor berpotensi besar untuk terus berkembang dan menjadi nadi penting dalam rantai bekalan industri sawit negara. Namun, pencapaian potensi ini turut bergantung kepada produktiviti hasil BTS estet. **Hasil BTS estet di Johor menunjukkan prestasi turun naik sepanjang tempoh 2003 hingga 2024. Prestasi hasil tertinggi direkodkan pada 2017 dengan purata sebanyak 20.66 tan/hektar/tahun, manakala terendah pada 2023 iaitu sebanyak 17.41 tan/hektar/tahun.**

Produktiviti hasil BTS estet di Johor dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti perubahan cuaca samada fenomena El Nino atau banjir, profil umur pokok sawit serta isu kekurangan pekerja (*labour shortage*) di ladang. Justeru, bagi memastikan produktiviti hasil BTS estet di Johor terus meningkat, **usaha berterusan oleh pihak industri dan kerajaan seperti membantu mempercepatkan pengambilan pekerja asing, mempergiatkan penggunaan teknologi dan mekanisasi terutamanya dalam aktiviti penuaian, menggalakkan penanaman semula pokok sawit tua, mempunyai sistem pengurusan air yang baik bagi mengurangkan kesan perubahan cuaca dan mempraktikkan pengurusan ladang yang efisien serta amalan pertanian baik (GAP).**

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rujukan

Hassan, N. A. (2018). *Relationship Between Severe El Nino Phenomena and Malaysia's Palm Oil Production - A VECM Approach*. *Oil Palm Industry Economic Journal*, 18 (1): 1-8.

Johor Plantations Group (2023). Johor Plantations Group Berhad Integrated Report, 2023.
Kamil, N. N. (2016). *Climate Variability and its Impact on the Palm Oil Industry*. *Oil Palm Industry Economic Journal*, 16 (1): 18-30.

Kamil & Zakaria, (2023). *Quantitative Analysis of Factors Influencing FFB Yield Performance*. *Palm Oil Economic Review & Outlook Seminar, 2023*. Putrajaya.

MPOB (2008). *Report on Laporan Polisi Tanam Semula Sawit*, Tidak Diterbitkan, MPOB, Bangi.

MPOB (2024). *Malaysian Oil Palm Statistics 2023*, MPOB, Bangi.

Utusan Borneo (2022). SOPPOA berharap kerajaan tangani kekurangan pekerja asing. <https://www.utusanborneo.com.my/2022/05/05/soppoa-berharap-kerajaan-tangani-kekurangan-pekerja-asing>, accessed on 9 April 2025.

USDA Foreign Agricultural Service (2017). Malaysia Oilseeds and Products Annual 2017.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RENCANA PEMBANGUNAN NANAS NEGERI JOHOR

Md Rashid bin Md Khalid dan Hajar binti Zainal
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

Di Malaysia, industri buah-buahan adalah satu daripada sumber ekonomi berasaskan pertanian yang diberi penekanan oleh kerajaan bagi membantu meningkatkan ekonomi negara, petani dan pengusaha. Nanas telah bertapak di Nusantara sekitar awal abad ke 16. Iklim yang sesuai menjadikan penanaman nanas terus berkembang di Nusantara.

Tahun 1888, industri nanas mula dibawa masuk ke Malaysia oleh orang Eropah di Singapura. Tahun 1921 tanaman nanas telah berkembang dengan pesat di selatan Johor seiring dengan perkembangan industri getah. Nanas ditanam di ladang-ladang getah secara selingan. Nanas mengeluarkan hasil selepas 18 bulan dari masa bertanam. Satu rekod awal menunjukkan bahawa pada tahun 1904, sebanyak 14,450 tan nanas bernilai RM2.47 juta telah dieksport.

Pada tahun 1931, kawasan tanaman nanas telah meningkat kepada 52,000 ekar dan bertambah kepada 70,000 ekar dalam tahun 1936. Nanas pada ketika itu ditanam sebagai tanaman kontan dengan kepadatan tanaman 3,000 hingga 3,400 pokok per ekar dan diusahakan secara kelompok, namun demikian di Johor ianya diusahakan secara perladangan kontrak melalui sistem pawah. Kemelesetan industri getah pada tahun 1931 telah menjejaskan perkembangan tanaman nanas.

Oleh itu, bermula tahun 1932, penanaman nanas secara tunggal bermula di Johor dan kemudiannya berkembang ke negeri lain seperti Singapura dan Selangor memandangkan nanas memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi Malaysia. Pada ketika itu, aktiviti penanaman nanas disokong oleh industri pengetinan di mana terdapat 12 kilang pengalengan nanas di Negeri Johor.

Pada tahun 1947, "*The Johore Pineapple Committee*" ditubuhkan untuk merangka strategi pemulihan industri akibat daripada kesan dari perang dunia kedua dengan mencadangkan tindakan yang perlu diambil oleh kerajaan bagi membangunkan ladang-ladang baru, memodenkan sektor pengalengan nanas dan pemasaran.

Pada tahun 1955, "*Pineapple Joint Industrial Council*" telah ditubuhkan untuk mengawasi industri nanas seperti sebuah badan berkanun yang berfungsi menasihati kerajaan dalam setiap keputusan berkaitan perusahaan nanas. Penanaman nanas telah ditumpukan di kawasan tanah gambut di bahagian barat Johor dan di Selangor bersesuaian dengan dasar yang telah digubal sebelum berlakunya perang dunia kedua.

Pada tahun 1957, Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu telah ditubuhkan bagi menggantikan peranan "*Pineapple Joint Industrial Council*" yang sebelum ini hanya berfungsi

sebagai badan penasihat kepada kerajaan. Melalui Akta 427, peranannya diperluaskan untuk memastikan kelestarian dan kemampanan industri nanas negara.

Sehingga kini, negeri Johor merupakan negeri terbesar bagi tanaman nanas sehingga ke hari ini. Keluasan bertanam di negeri Johor pada tahun 2020 sehingga 2022 menunjukkan tren peningkatan dari tahun ke tahun kecuali pada tahun 2023 terdapat penurunan 9.3%. Pada tahun 2023 keluasan bertanam negeri Johor adalah 10,336 hektar iaitu menyumbang 56.56% keseluruhan keluasan bertanam nanas di Malaysia. Jumlah pengeluaran adalah sebanyak 280,878 tan metrik iaitu 63.71% daripada jumlah pengeluaran nanas Malaysia dengan nilai pengeluaran sebanyak RM682.53 juta.

Pada tahun 2023, daerah Kluang merupakan keluasan bertanam tertinggi di negeri Johor dengan keluasan 5,087 hektar diikuti daerah Pontian (1,736 hektar) dan Batu Pahat (1,388 hektar). Maklumat tanaman nanas dari tahun 2019 sehingga 2023 adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Luas Bertanam, hektar	Luas Berhasil, hektar	Pengeluaran, tan metrik
2019	8,554	6,849	252,478
2020	7,610	7,063	212,129
2021	10,211	7,720	263,367
2022	11,398	9,432	402,555
2023	10,336	4,609	280,878


Melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Projek Penjana), kerajaan telah menyalurkan Peruntukan Pembangunan khas nanas di Negeri Johor pada tahun 2021 hingga 2023 sebanyak RM9 juta melibatkan penerima manfaat seramai 243 pengusaha melibatkan keluasan bertanam seluas 159.65 hektar.

Manakala melalui *Johor Pineapple Project* (JPP), kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM1 juta pada tahun 2024 dengan memberi manfaat kepada 34 orang pengusaha melibatkan keluasan bertanam seluas 20 hektar meliputi latihan *Transfer of Technology* (TOT) dan Program Lawatan Pembelajaran kepada 59 orang peserta.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL STATISTIK



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.0: Agriculture Holding by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,008,829	97.94	21,191	2.06	1,030,020	100.0
Johor	102,460	96.63	3,578	3.37	106,038	100.0
Kedah	123,194	99.01	1,237	0.99	124,431	100.0
Kelantan	87,203	99.50	442	0.50	87,645	100.0
Melaka	13,022	94.20	802	5.80	13,824	100.0
Negeri Sembilan	44,082	97.03	1,347	2.97	45,429	100.0
Pahang	87,482	97.18	2,543	2.82	90,025	100.0
Perak	104,878	97.58	2,596	2.42	107,474	100.0
Perlis	18,839	99.31	131	0.69	18,970	100.0
Pulau Pinang	15,491	93.07	1,154	6.93	16,645	100.0
Sabah	156,635	98.35	2,624	1.65	159,259	100.0
Sarawak	145,378	98.62	2,036	1.38	147,414	100.0
Selangor	35,474	95.57	1,643	4.43	37,117	100.0
Terengganu	72,367	99.06	684	0.94	73,051	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,426	81.21	330	18.79	1,756	100.0
W.P. Labuan	732	95.56	34	4.44	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.32	10	5.68	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

- * Nota:**
1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

- * Notes:**
1. Analysis as at 28 May 2025
2. State refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2023

Table 1.1: Agriculture Holding by Administrative District, Johor, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Johor	102,460	96.63	3,578	3.37	106,038	100.0
Batu Pahat	18,161	97.02	558	2.98	18,719	100.0
Johor Bahru	6,911	92.91	527	7.09	7,438	100.0
Kluang	10,317	94.33	620	5.67	10,937	100.0
Kota Tinggi	4,359	93.50	303	6.50	4,662	100.0
Mersing	4,286	97.19	124	2.81	4,410	100.0
Muar	15,801	97.27	443	2.73	16,244	100.0
Pontian	8,858	97.74	205	2.26	9,063	100.0
Segamat	17,643	98.11	339	1.89	17,982	100.0
Kulai	6,638	96.76	222	3.24	6,860	100.0
Tangkak	9,486	97.56	237	2.44	9,723	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agriculture Holding by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	236,241	96.01	9,806	3.99	246,047	100.00
	Padi Paddy	125,976	99.87	170	0.13	126,146	100.00
	Getah Rubber	387,124	99.92	309	0.08	387,433	100.00
	Nanas Pineapple	7,752	96.18	308	3.82	8,060	100.00
	Kenaf Kenaf	862	99.54	4	0.46	866	100.00
	Lada Pepper	32,191	99.97	10	0.03	32,201	100.00
	Koko Cocoa	4,147	99.62	16	0.38	4,163	100.00
	Buah-Buahan Fruits	87,731	97.36	2,375	2.64	90,106	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	44,422	94.35	2,658	5.65	47,080	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	38,801	96.65	1,344	3.35	40,145	100.00
Ternakan Livestocks		43,816	93.66	2,965	6.34	46,781	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	48,267	99.18	399	0.82	48,666	100.00
	Akuakultur Aquaculture	8,407	81.79	1,872	18.21	10,279	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		7,930	93.69	534	6.31	8,464	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Johor, 2023

Table 2.1: Agriculture Holding by Subsector, Johor, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	50,812	96.99	1,578	3.01	52,390	100.00
	Padi Paddy	1,114	99.64	4	0.36	1,118	100.00
	Getah Rubber	17,219	99.79	36	0.21	17,255	100.00
	Nanas Pineapple	1,698	96.04	70	3.96	1,768	100.00
	Kenaf Kenaf	3	100.00	-	-	3	100.00
	Lada Pepper	91	96.81	3	3.19	94	100.00
	Koko Cocoa	52	96.30	2	3.70	54	100.00
	Buah-Buahan Fruits	12,320	95.91	526	4.09	12,846	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	8,137	94.75	451	5.25	8,588	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	5,329	93.41	376	6.59	5,705	100.00
Ternakan Livestocks		2,777	84.48	510	15.52	3,287	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	4,512	99.73	12	0.27	4,524	100.00
	Akuakultur Aquaculture	351	58.60	248	41.40	599	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		2	4.88	39	95.12	41	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Johor, 2023
Table 2.2: Individual Agriculture Holding by Subsector and Citizenship, Johor, 2023

Subsektor <i>Subsector</i>		Warganegara <i>Malaysian</i>		Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	
		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Tanaman <i>Crops</i>	Kelapa Sawit <i>Oil Palm</i>	50,794	99.96	18	0.04
	Padi <i>Paddy</i>	1,114	100.0	-	-
	Getah <i>Rubber</i>	17,217	99.99	2	0.01
	Nanas <i>Pineapple</i>	1,662	97.88	36	2.12
	Kenaf <i>Kenaf</i>	3	100.0	-	-
	Lada <i>Pepper</i>	91	100.0	-	-
	Koko <i>Cocoa</i>	52	100.0	-	-
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	12,253	99.46	67	0.54
	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	8,079	99.29	58	0.71
	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	5,286	99.19	43	0.81
Ternakan <i>Livestocks</i>		2,777	100.0	-	-
Perikanan <i>Fisheries</i>	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	4,506	99.87	6	0.13
	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	351	100.0	-	-
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>		2	100.0	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Johor, 2023
Table 2.3: Individual Agriculture Holding by Subsector and Sex, Johor, 2023

Subsektor <i>Subsector</i>		Lelaki <i>Male</i>		Perempuan <i>Female</i>	
		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Tanaman <i>Crops</i>	Kelapa Sawit <i>Oil Palm</i>	37,170	73.15	13,642	26.85
	Padi <i>Paddy</i>	855	76.75	259	23.25
	Getah <i>Rubber</i>	11,895	69.08	5,324	30.92
	Nanas <i>Pineapple</i>	1,504	88.57	194	11.43
	Kenaf <i>Kenaf</i>	2	66.67	1	33.33
	Lada <i>Pepper</i>	79	86.81	12	13.19
	Koko <i>Cocoa</i>	42	80.77	10	19.23
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	11,029	89.52	1,291	10.48
	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	6,841	84.07	1,296	15.93
	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	4,570	85.76	759	14.24
Ternakan <i>Livestocks</i>		2,572	92.62	205	7.38
Perikanan <i>Fisheries</i>	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	4,395	97.41	117	2.59
	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	326	92.88	25	7.12
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>		2	100.0	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Johor, 2023

Table 2.4: Individual Agriculture Holding by Subsector and Age Group, Johor, 2023

Subsektor Subsector		15 – 30 tahun 15 – 30 years		31 – 45 tahun 31 – 45 years		46 – 59 tahun 46 – 59 years		60 tahun dan ke atas 60 years and above		Tiada Maklumat Unknown	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	691	1.36	7,694	15.14	15,387	30.28	27,040	53.22	-	-
	Padi Paddy	57	5.12	217	19.48	433	38.87	403	36.18	4	0.36
	Getah Rubber	520	3.02	2,471	14.35	5,196	30.18	9,032	52.45	-	-
	Nanas Pineapple	84	4.95	390	22.97	664	39.10	560	32.98	-	-
	Kenaf Kenaf	-	-	1	33.33	2	66.67	-	-	-	-
	Lada Pepper	6	6.59	23	25.27	32	35.16	30	32.97	-	-
	Koko Cocoa	1	1.92	2	3.85	17	32.69	32	61.54	-	-
	Buah-Buahan Fruits	506	4.11	2,758	22.39	4,427	35.93	4,629	37.57	-	-
	Sayur-Sayuran Vegetables	450	5.53	2,302	28.29	2,903	35.68	2,482	30.50	-	-
	Tanaman Lain Other Crops	195	3.66	1,373	25.76	1,906	35.77	1,855	34.81	-	-
Ternakan Livestocks		199	7.17	760	27.37	918	33.06	900	32.41	-	-
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	269	5.96	1,213	26.88	1,802	39.94	1,228	27.22	-	-
	Akuakultur Aquaculture	37	10.54	111	31.62	124	35.33	79	22.51	-	-
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		-	-	-	-	1	50.00	1	50.00	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Etnik, Johor, 2023

Table 2.5: Individual Agriculture Holding by Subsector and Ethnic Group, Johor, 2023

Subsektor <i>Subsector</i>		Bumiputera <i>Bumiputera</i>		Cina <i>Chinese</i>		India <i>Indian</i>		Lain-lain <i>Others</i>	
		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Tanaman <i>Crops</i>	Kelapa Sawit <i>Oil Palm</i>	32,802	64.58	17,297	34.05	614	1.21	81	0.16
	Padi <i>Paddy</i>	1,100	98.74	12	1.08	2	0.18	-	-
	Getah <i>Rubber</i>	12,514	72.68	4,368	25.37	327	1.90	8	0.05
	Nanas <i>Pineapple</i>	1,408	84.72	240	14.44	9	0.54	5	0.30
	Kenaf <i>Kenaf</i>	3	100.00	-	-	-	-	-	-
	Lada <i>Pepper</i>	73	80.22	15	16.48	3	3.30	-	-
	Koko <i>Cocoa</i>	44	84.62	8	15.38	-	-	-	-
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	8,773	71.60	3,186	26.00	245	2.00	49	0.40
	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	5,758	71.27	1,911	23.65	382	4.73	28	0.35
Ternakan <i>Livestocks</i>	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	3,949	74.71	1,095	20.72	217	4.11	25	0.47
		2,512	90.46	129	4.65	128	4.61	8	0.29
Perikanan <i>Fisheries</i>	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	4,072	90.37	430	9.54	3	0.07	1	0.02
	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	255	72.65	93	26.50	3	0.85	-	-
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>		2	100.00	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Taraf Perkahwinan, Johor, 2023

Table 2.6: Individual Agriculture Holding by Subsector and Marital Status, Johor, 2023

Subsektor Subsector		Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>		Berkahwin <i>Married</i>		Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>		Berceraai <i>Divorced</i>		Berpisah <i>Separated</i>		Tiada Maklumat <i>Unknown</i>	
		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Tanaman <i>Crops</i>	Kelapa Sawit <i>Oil Palm</i>	3,833	7.54	39,846	78.42	6,395	12.59	669	1.32	69	0.14	-	-
	Padi <i>Paddy</i>	75	6.73	512	45.96	91	8.17	1	0.09	-	-	435	39.05
	Getah <i>Rubber</i>	1,779	10.33	13,008	75.54	2,317	13.46	86	0.50	29	0.17	-	-
	Nanas <i>Pineapple</i>	102	6.01	1,440	84.81	147	8.66	6	0.35	3	0.18	-	-
	Kenaf <i>Kenaf</i>	-	-	3	100.0	-	-	-	-	-	-	-	-
	Lada <i>Pepper</i>	9	9.89	74	81.32	7	7.69	1	1.10	-	-	-	-
	Koko <i>Cocoa</i>	5	9.62	41	78.85	5	9.62	1	1.92	-	-	-	-
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	1,039	8.43	9,046	73.43	2,103	17.07	102	0.83	30	0.24	-	-
	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	656	8.06	6,307	77.51	1,081	13.28	67	0.82	26	0.32	-	-
Ternakan <i>Livestocks</i>	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	434	8.14	3,994	74.95	835	15.67	52	0.98	14	0.26	-	-
		428	15.41	2,070	74.54	251	9.04	21	0.76	7	0.25	-	-
Perikanan <i>Fisheries</i>	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	423	9.38	3,791	84.02	266	5.90	21	0.47	11	0.24	-	-
	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	34	9.69	284	80.91	32	9.12	-	-	1	0.28	-	-
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>		-	-	1	50.00	1	50.00	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023

Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Johor, 2023

Subsektor Subsector		Doktor Falsafah (PhD) Doctor of Philosophy (PhD)		Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana Degree/ Advanced Diploma/ Masters		Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf Polytechnic/ University Diploma or equivalent		Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)		Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent		Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Certificate of specialized or technical skills (TVET)	
		Peratus (%) Percentage (%)		Peratus (%) Percentage (%)		Peratus (%) Percentage (%)		Peratus (%) Percentage (%)		Peratus (%) Percentage (%)		Peratus (%) Percentage (%)	
		Bilangan Number		Bilangan Number		Bilangan Number		Bilangan Number		Bilangan Number		Bilangan Number	
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	95	0.19	2,615	5.15	654	1.29	1,282	2.52	637	1.25	170	0.33
	Padi Paddy	6	0.54	8	0.72	28	2.51	8	0.72	22	1.97	13	1.17
	Getah Rubber	4	0.02	155	0.90	686	3.98	94	0.55	48	0.28	29	0.17
	Nanas Pineapple	2	0.12	35	2.06	41	2.41	21	1.24	7	0.41	11	0.65
	Kenaf Kenaf	-	-	-	-	1	33.33	1	33.33	-	-	-	-
	Lada Pepper	-	-	7	7.69	6	6.59	1	1.10	-	-	1	1.10
	Koko Cocoa	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	Buah-Buahan Fruits	19	0.15	453	3.68	496	4.03	226	1.83	86	0.70	86	0.70
	Sayur-Sayuran Vegetables	5	0.06	350	4.30	367	4.51	166	2.04	58	0.71	156	1.92
	Tanaman Lain Other Crops	6	0.11	255	4.79	241	4.52	161	3.02	47	0.88	51	0.96
Ternakan Livestocks		6	0.22	50	1.80	59	2.12	34	1.22	14	0.50	23	0.83
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	-	-	9	0.20	12	0.27	5	0.11	2	0.04	15	0.33

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023

Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Johor, 2023

Subsektor Subsector		STPM atau yang setaraf Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent		SPM/ SPM(V) atau yang setaraf Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent		Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) Below the SPM/SPM (V) passing standard		Tiada sijil No Certificate		Tiada Maklumat Unknown	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	764	1.50	20,781	40.90	12,906	25.40	10,908	21.47	-	-
	Padi Paddy	18	1.62	441	39.59	79	7.09	56	5.03	435	39.05
	Getah Rubber	140	0.81	7,916	45.97	3,772	21.91	4,375	25.41	-	-
	Nanas Pineapple	41	2.41	1,220	71.85	187	11.01	133	7.83	-	-
	Kenaf Kenaf	-	-	1	33.33	-	-	-	-	-	-
	Lada Pepper	-	-	50	54.95	19	20.88	7	7.69	-	-
	Koko Cocoa	-	-	11	21.15	36	69.23	5	9.62	-	-
	Buah-Buahan Fruits	260	2.11	7,178	58.26	2,180	17.69	1,336	10.84	-	-
	Sayur-Sayuran Vegetables	388	4.77	4,707	57.85	1,134	13.94	806	9.91	-	-
	Tanaman Lain Other Crops	118	2.21	3,015	56.58	862	16.18	573	10.75	-	-
Ternakan Livestocks		70	2.52	1,950	70.22	398	14.33	173	6.23	-	-
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	16	0.35	2,610	57.85	917	20.32	926	20.52	-	-

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023

Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Johor, 2023

Subsektor Subsector		Doktor Falsafah (PhD) Doctor of Philosophy (PhD)		Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana Degree/ Advanced Diploma/ Masters		Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf Polytechnic/ University Diploma or equivalent		Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)		Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent		Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Certificate of specialized or technical skills (TVET)	
		Peratus (%)		Peratus (%)		Peratus (%)		Peratus (%)		Peratus (%)		Peratus (%)	
		Bilangan Number	Percentage (%)	Bilangan Number	Percentage (%)	Bilangan Number	Percentage (%)	Bilangan Number	Percentage (%)	Bilangan Number	Percentage (%)	Bilangan Number	Percentage (%)
Perikanan Fisheries	Akuakultur Aquaculture	-	-	5	1.42	7	1.99	3	0.85	-	-	1	0.28
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Johor, 2023

Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Johor, 2023

Subsektor Subsector	STPM atau yang setaraf Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent		SPM/ SPM(V) atau yang setaraf Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent		Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) Below the SPM/SPM (V) passing standard		Tiada sijil No Certificate		Tiada Maklumat Unknown	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Perikanan <i>Fisheries</i>										
Akuakultur <i>Aquaculture</i>	2	0.57	138	39.32	84	23.93	111	31.62	-	-
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>	-	-	-	-	1	50.00	1	50.00	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

